



● BIL 257 ● 5 - 11 APRIL 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

Terima kasih

'DUIT RAYA'

Belanjawan kasih
ayah dan ibu
>> 8

Rindu dipagari
jeriji besi
>> 9-11

Gema Aidilfitri
makin terasa
>> 12-13

Masalah pengangkutan sejak puluhan tahun Feri Labuan 'jerut' rakyat

AZLAN ZAMBRY

PERLU menunggu berjam-jam dan terhad kepada tujuh perjalanan sehari merupakan masalah yang dihadapi sebahagian besar warga Labuan yang mahu ke Sabah setiap kali menjelang musim perayaan.

Bukan sekadar itu, kesesakan di jalan masuk ke terminal feri di Labuan menjadikan masalah itu semakin meruncing berikutan ramai dalam kalangan warga Labuan yang terpaksa memendam rasa kerana kesukaran untuk pulang ke kampung halaman ketika musim perayaan.

Labuan hanya boleh dihubungkan melalui jalan laut dan udara menyebabkan masalah pengangkutan menghubungkan ia dengan Sabah menjadi isu utama warga pulau itu berikutan waktu terhad serta kekangan lain yang dilihat mencengkam penduduknya.

Tinjauan *Wilayahku* mendapati sebanyak enam buah feri beroperasi di Labuan yang menghubungkan Menumbok dan beberapa lokasi lain termasuk di Brunei. Kesemua feri tersebut mampu memuatkan kira-kira 50 hingga 80 buah kenderaan jenis sedan dan kenderaan pelbagai guna (MPV) dalam satu-satu masa dengan bayaran dari RM40 hingga RM60 sebuah. Selain itu, ia juga mampu memuatkan sehingga 400 orang penumpang dalam satu-satu masa.

Jumlah perjalanan untuk hari biasa adalah tujuh kali dari Labuan ke Menumbok yang bermula pukul 6.30 pagi hingga perjalanan terakhir pukul 5.30 petang.

Selain itu, pihak pengendali juga menyediakan 19 perjalanan tambahan bagi menampung keperluan sempena Hari Raya Aidilfitri, namun sehingga kini ia masih menjadi masalah berikutan jumlah kenderaan dari Labuan



PERKHIDMATAN feri sedia ada tidak mampu menampung peningkatan kenderaan khususnya ketika musim perayaan.

yang meningkat.

Bagi penggunaan bot laju pula, sebanyak 10 perjalanan yang dijadualkan dalam tempoh satu hari dengan kapasiti maksimum 36 orang dalam satu-satu masa dan akan ditambah sehingga 30 ke 40 perjalanan tambahan menjelang musim perayaan.

Menurut Pengerusi Labuan Society, **Wan Abdul Rahim Wan Abd Rahman**, isu membabitkan pengendali feri Labuan ini sudah lama diperkatakan memandangkan masalah ini akan berulang setiap tahun khususnya ketika sambutan perayaan.

"Warga Labuan ini perlu keluar dari pulau ini, justeru itu apabila masalah berkaitan feri ini tidak dapat diatasi dengan betul, maka masalah ini akan berlanjutan setiap tahun tanpa penyelesaian," katanya ketika ditemui.

Wan Abdul Rahim berkata, ketika ini kira-kira tujuh buah feri yang beroperasi di Labuan dan

sering penuh sehingga pengguna terpaksa masuk senarai menunggu yang kadang kala melebihi satu hari sebelum dibenarkan menaiki feri.

"Kesemua feri ini penuh dan ia bermaksud keperluan warga Labuan ini untuk keluar sangat tinggi kerana situasinya sama seperti penduduk di Langkawi atau Tioman.

"Selain itu, apabila tiba musim perayaan, mereka akan keluar untuk pulang ke kampung halaman masing-masing dan di situlah keperluan feri ini mendesak," katanya.

Kata Wan Abdul Rahim lagi, kerajaan dan pengendali feri perlu mencari jalan penyelesaian kerana masalah ini sudah berlaku sejak puluhan tahun lalu.

"Selain itu, perkhidmatan feri ini pula bergantung kepada jadual yang telah ditetapkan, sekiranya terdapat masalah kritikal atau kematian, penduduk di sini tiada pilihan lain melainkan hanya perlu menunggu keesokan hari dan mengambil tiket sebelum menaiki feri," katanya. 🗨️



WAN ABDUL RAHIM



ABDUL KHABIR

KERAJAAN perlu campur tangan termasuk menyediakan feri tambahan untuk mengatasi masalah kesesakan dan senarai menunggu yang panjang di terminal feri setiap kali musim perayaan.

Pensyarah Kanan dan Penyelidik Institut Pengangkutan Malaysia (MITRANS) Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Ts Dr Abdul Khabir Rahmat** berkata langkah itu perlu dilaksanakan memandangkan pihak operator berkemungkinan telah mencapai kapasiti yang maksimum menyebabkan isu sama berulang saban tahun.

"Operator ini mungkin sudah usaha sedaya mungkin dan sudah mencapai tahap kapasiti yang maksimum, jadi dalam keadaan itu memang perlu kepada penambahan kapasiti lain termasuklah bantuan daripada kerajaan.

"Jika hendak membeli feri yang baharu, ia melibatkan kos yang sangat tinggi jadi penambahan itu hanya kaedah yang boleh dilaksanakan dalam tempoh ini," katanya ketika dihubungi.

Abdul Khabir berkata antara alternatif yang boleh diambil kerajaan dalam mengatasi masalah berkenaan adalah dengan mengeluarkan perbelanjaan daripada kutipan hasil Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak enam peratus yang dikenakan untuk perkhidmatan tersebut di Labuan.

"SST itu sendiri dilihat dapat membantu untuk meningkatkan perkhidmatan membeli dan menambah feri baharu untuk keselesaan rakyat," katanya.

Tambah Abdul Khabir, perlu ada formula menang-menang untuk semua pihak berkepentingan yang terlibat supaya mereka merasai kebaikan

dan faedah percubaan dari sudut perkhidmatan sekiranya kerajaan sudah ada pendapatan daripada SST dengan menambah kapasiti perkhidmatan feri di situ.

Menurut Abdul Khabir, kerajaan dan pihak berkepentingan perlu meneroka lebih banyak alternatif termasuklah penggunaan *bach* iaitu kapal tunda yang membawa kenderaan sahaja.

"Itu adalah alternatif yang ada, namun ia bergantung kepada pihak Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan dari segi penilaian risiko dan kesesuaian dalam menggunakan kaedah tersebut.

"Jika operator biasa menggunakan (*bach*), mungkin tiada masalah, jika tidak, mungkin ada risiko terhadap keselamatan. Jadi ia perlu diambil kira sekiranya ia menjadi pilihan," katanya.

Abdul Khabir berkata bagi tempoh jangka masa panjang, beliau mencadangkan penambahan operator namun ia terdedah kepada isu persaingan yang perlu diteliti dengan lebih cermat.

"Lebih elok ia dibuat terbuka dengan menggunakan kaedah penawaran dan permintaan supaya persaingan itu tidak menjadi negatif dan ia mesti mempunyai objektif untuk membantu warga Labuan," katanya.

Katanya lagi, pengguna juga perlu merancang awal sama ada berkorban dengan menghantar kenderaan lebih awal, namun mungkin berlaku kesukaraan tertentu menyebabkan alternatif itu mungkin tidak popular dan untuk tempoh jangka panjang, kerajaan harus lebih serius mempertimbangkan pembinaan jambatan Labuan supaya masalah yang berlarutan sejak berdekad dahulu diselesaikan secara tuntas. 🗨️

Tiada pilihan lain untuk pulang ke kampung halaman

MASALAH perkhidmatan feri dari Labuan ke Menumbok, Sabah seolah-olah tiada penghujung apabila situasi yang sama perlu dihadapi sekiranya warga Labuan mahu pulang ke kampung halaman masing-masing khususnya ketika musim perayaan.

Menurut pengguna, **Profesor Dr Harun Pudin**, perkhidmatan feri yang disediakan ini dilihat mempunyai masalah sama seperti 40 tahun dahulu berikutan kekangan tertentu yang mungkin dihadapi pengusaha sehingga menyukarkan



HARUN

pengguna.

"Saya telah menetap di Labuan dari tahun 1983 dan setiap kali mahu pulang ke Sabah, memang akan menghadapi masalah yang sama iaitu kesesakan di terminal disebabkan ramai yang ingin pulang ke kampung halaman.

"Antara masalah yang timbul adalah *waiting list* yang sangat panjang dan terpaksa menunggu hampir satu hari sebelum memperoleh giliran untuk pulang ke Sabah," katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Beliau berkata meskipun

jumlah pengusaha dan feri bertambah, ia dilihat tidak mampu menyelesaikan masalah kesesakan itu kerana ia seolah-olah tiada perubahan.

"Saya lihat meskipun berlaku transformasi dalam sistem perhubungan yang kini urusan tiket boleh dibeli secara dalam talian, ia tidak juga semakin memudahkan bahkan ia menjadi semakin sukar kerana isunya tetap sama iaitu kesesakan.

"Setakat ini, kira-kira tiga buah feri beroperasi secara penjadualan dan masih tidak dapat

menampung jumlah pengguna yang semakin meningkat.

"Malahan agak mustahil untuk beroperasi secara serentak kerana hanya dua buah yang boleh beroperasi dalam satu-satu masa kerana sebuah feri lagi diletakkan dalam keadaan *standby* dan hanya digunakan ketika kecemasan sahaja," katanya.

Sementara itu, pesara guru, **Jurai Tuah**, 58, menyifatkan masalah perkhidmatan feri yang disediakan tidak mencukupi dalam menampung permintaan daripada



JURAI

pengguna ketika musim perayaan.

Ujarnya, melalui pengalaman untuk menggunakan feri, beliau pernah terpaksa menunggu hampir seharian untuk mendapatkan *waiting list* bagi membolehkannya memulakan perjalanan ke Sabah.

"Apabila berlaku masalah itu, kita rasa amat terkilan kerana walaupun ada penambahan perkhidmatan, namun ia masih tidak mencukupi.

"Daripada pengamatan saya, ia berlaku hampir setiap tahun dan dilihat tiada usaha untuk mengubah keadaan itu melainkan jika kerajaan memulakan pembinaan jambatan," katanya. 🗨️



BANTUAN khas kewangan Aidilfitri mampu merencanakan ekonomi domestik negara.

PM gesa syarikat berkaitan hulur bantuan

Pemberian BKK Aidilfitri sejahtera ekonomi negara

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

GESAAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Insituti Perbankan, Badan Berkanun dan agensi swasta untuk mempertimbangkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri dilihat dapat memberikan kesejahteraan ekonomi negara.

Pensyarah Kanan Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM) Dr Mohd Zaidi Md Zabri menyifatkan gesaan itu adalah demi memastikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya golongan pekerja.

“Sekiranya semua pihak yang dinyatakan itu menyahut seruan Perdana Menteri, ia akan memberikan impak yang besar kepada golongan pekerja mereka turut memperoleh durian runtuh dan pada masa sama dapat meningkatkan prestasi mereka.

“Selain itu, di atas sikap rakyat Malaysia yang gemar berbelanja khususnya untuk persediaan men-

yambut lebaran, ia dijangka dapat merencanakan lagi ekonomi sekali gus dapat merangsang pertumbuhan negara,” katanya.

Mohd Zaidi berkata gesaan ini adalah tertakluk kepada prestasi syarikat masing-masing kerana dalam perniagaan untung dan rugi merupakan perkara yang biasa dan berkemungkinan tidak semua yang dapat melaksanakan perkara itu.

“Apabila kita bercakap mengenai GLC dan GLIC ini, kita kena lihat kepada implikasi kewangan dan sifat-sifat GLC ini berbeza kerana

ada yang dimiliki Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, ada juga di bawah Kementerian Kewangan dan ada yang menjana keuntungan dan ada juga tidak.

“Bagi saya GLC ini memang menjana keuntungan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan memang tiada masalah jika berikan BKK memang mereka membuat keuntungan.


“Tetapi ada juga GLC yang tidak membuat keuntungan dan kebiasaannya disandarkan kepada Kerajaan Negeri dan jika tidak

membuat keuntunganpun ia akan dibantu kerana mereka tidak mempunyai kakitangan yang ramai seperti KWSP,” ujarnya.

Menurut Mohd Zaidi, gesaan tersebut juga tidak terikat dengan perundangan namun ia dilihat selari dengan semangat dan aspirasi kerajaan hari ini dan bertepatan dengan kerangka Malaysia MADANI.

Jelasnya, sikiranya kesemuanya menyahut seruan Perdana Menteri, limpahan besar ekonomi dapat dilihat dengan ketara memandangkan jumlah kakitangan mereka ramai.

“Secara umumnya, menurut data yang dikeluarkan pada tahun 2021 dan 2022, negara mempunyai kira-kira 500 ribu pekerja di sektor GLC dan jika dicampurkan jumlah penjawat awam 1.6 juta yang menerima BKK sebanyak RM500, ia akan memberikan kesan limpahan ekonomi yang bagus untuk negara,” katanya.

Sementara itu, Mohd Zaidi berkata, Institusi Perbankan turut mempunyai pilihan untuk menyahut seruan Perdana Menteri dalam memberi BKK dan ia tidak menyalahi undang-undang sekiranya tidak diikuti. 

Bantuan Aidilfitri beri manfaat komuniti

KONGRES Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyokong cadangan kerajaan yang meminta agensi, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mempertimbangkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri kepada kakitangan masing-masing.

Presidennya, **Mohd Effendy Abdul Ghani** berkata langkah itu dilihat mampu menyuntik rangsangan semangat bekerja.

Namun Mohd Effendy menjelaskan, pemberian itu bukanlah satu kewajipan yang perlu dipatuhi, ia haruslah berdasarkan kekuatan kewangan sesebuah organisasi.

“Memberikan bantuan Aidilfitri kepada kakitangan badan berkanun dan GLC adalah langkah yang baik untuk meningkatkan kepuasan dan motivasi mereka dalam menjalankan tugas.

“Ini juga dapat meningkatkan semangat kebersamaan dalam organisasi. Namun, keputusan untuk melaksanakan langkah tersebut perlu dipertimbangkan dengan teliti mengenai keperluan kewangan dan dasar organisasi,” katanya ketika dihubungi.

Tambah Mohd Effendy, dia merasakan sekurang-kurangnya sekitar satu hingga dua bulan gaji penuh adalah nilai yang setimpal bagi bantuan Aidilfitri ini.

“Secara umum, jumlah yang dilihat setimpal untuk bantuan Aidilfitri bagi kakitangan badan berkanun atau GLC mungkin sekitar satu hingga dua bulan gaji penuh.

“Namun, ini juga boleh berubah bergantung kepada faktor-faktor seperti prestasi kewangan organisasi, skala kesulitan ekonomi semasa, dan amalan industri.

“Adalah penting untuk mengambil kira keperluan dan kebolehan kewangan organisasi sebelum menetapkan jumlah yang sesuai,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Mohd Effendy berkata, BKK Aidilfitri dilihat mampu memberi sedikit suntikan terhadap ekonomi negara.

“Bantuan ini, kalau dilihat, ia bukan sahaja membantu kakitangan malah secara tidak

langsung juga menggerakkan ekonomi domestik.

“Apabila kakitangan menerima tambahan wang tunai atau faedah lain sebagai bantuan Aidilfitri, mereka cenderung untuk menggunakan wang tersebut dalam ekonomi tempatan, dengan membeli barangan dan menggunakan perkhidmatan.

“Ini boleh memberi dorongan kepada perniagaan tempatan dan menyumbang kepada aktiviti ekonomi yang lebih aktif dalam negara. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan daya beli dan kesejahteraan kakitangan, yang seterusnya dapat membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dalam jangka panjang,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Effendy menegaskan, pemberian bantuan Aidilfitri perlulah bersifat adil serta telus agar bantuan itu dapat disalurkan dengan baik kepada semua kakitangan yang berhak menerimanya.


“Jika boleh ada garis panduan yang jelas mengenai kelayakan, prosedur permohonan, dan kriteria pemilihan dapat membantu memastikan bahawa bantuan disalurkan dengan adil kepada semua pekerja.

“Selain itu, komunikasi secara

berterusan dengan pekerja mengenai nilai dan faedah budaya ini dapat membantu memperkuatkan rasa keterlibatan dan kesedaran mengenai sokongan yang diberikan oleh organisasi terhadap keperluan pekerja,” tegasnya.

Selain itu, beliau juga berpendapat pemberian bantuan Aidilfitri kepada pekerja GLC atau badan berkanun adalah sesuatu yang wajar untuk dipertimbangkan dan dikekalkan.

Walau bagaimanapun ujar beliau, adalah penting untuk menilai kesan dan keberkesanan langkah tersebut secara berterusan dan menyesuaikan polisi mengikut keperluan dan keadaan semasa organisasi.

Baru-baru ini, media melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta agensi, badan berkanun dan GLC mempertimbangkan bantuan Aidilfitri kepada kakitangan masing-masing. 



MOHD EFFENDY



MOHD ZAIDI



REAKSI

“Pemberian BKK ini amat membantu bukan sahaja ekonomi rakyat malah negara juga daripada sudut domestik.

“Malahan dengan aktiviti jual beli ini juga sedikit sebanyak akan memberi kesan yang positif den-

gan perkembangan ekonomi negara, selain membantu para peniaga dan produk tempatan di pasaran.”

Syed Ahmad Farhan Aljofry
Syed Mohamed Ekram
Pekerja bank



Terima kasih diucapkan kepada PMX di atas bantuan Aidilfitri yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu menampung persiapan hari raya bagi kami sekeluarga.

Mohd Hasrizal Hashim
Penjawat Awam

Dakwaan tiada penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Semak fakta sebelum sebar

SABAN tahun bermula 1960, penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan diadakan dengan jayanya sebagai salah satu usaha membudayakan kefahaman dan kesenian Al-Quran di negara ini.

Namun, tular di laman sosial, ada pihak mendakwa pada tahun ini, tiada penganjuran pertandingan tersebut kerana pihak terlibat mementingkan konsert daripada acara tahunan itu.

Fitnah yang dilemparkan tersebut seolah-olah sengaja ingin mengundang provokasi dalam kalangan masyarakat sedangkan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telahpun mengeluarkan kenyataan pada tentang penganjurannya, pada Februari lalu

Tampil menjelaskan keadaan, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Dr Zulkifli Hasan** menegaskan agar orang ramai untuk sama-sama menyemak kebenaran fakta sebelum menyebarkannya.

"Hari ini saya menerima beberapa tangkap layar yang mendakwa kononnya pertandingan tilawah Al-Quran tidak dianjurkan pada tahun ini.

"Saya tegaskan bahawa kenyataan ini adalah sama sekali



PENGANJURAN majlis tilawah dan hafazan Al-Quran merupakan usaha membudayakan Al-Quran. - Gambar hiasan

tidak benar. JAKIM telahpun menetapkan bahawa Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 23 hingga 28 Mei 2024 di Kuantan, Pahang dan Majlis Tilawah Al-Quran dan Hafazan Peringkat Antarabangsa akan diadakan pada 5 hingga 12 Oktober 2024," ujarnya.

Sehubungan itu beliau menasihati orang ramai untuk sama-sama menyemak kebenaran fakta selaras dengan firman Allah dalam Surah

Al-Hujurat:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya."

"Bersempena dengan 10 malam terakhir bulan Ramadan ini, marilah sama-sama kita meningkatkan amal ibadah kita dan meninggalkan perkara yang sia-sia. Wallahua'lam," ujar beliau dalam satu kenyataan.

Terdahulu, kerajaan negeri Pahang berbesar hati untuk menganjurkan majlis tersebut di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Pahang selepas kali terakhir

menjadi tuan rumah pada 2014.

Difahamkan seramai 29 orang akan menyertai kategori tilawah iaitu 14 qari dan 14 qariah serta seorang johan menunggu sementara seramai 84 orang pula akan menyertai kategori hafazan iaitu masing-masing 42 peserta lelaki dan wanita.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berterima kasih kepada kerajaan Pahang kerana sudi menerima jemputan menjadi tuan rumah bagi menganjurkan majlis berkenaan.



ZULKIFLI

Harga barang keperluan hari ini masih stabil

SEJAK memegang tampuk pemerintahan negara, Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi perhatian khusus untuk memulihkan ekonomi sekali gus menjaga kebajikan rakyat.

Pelbagai usaha dilakukan bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih terjamin dan berkualiti. Di kala kenaikan kos sara hidup, pelbagai bantuan disalurkan antaranya menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan sebagainya.

Namun, masih ada yang menunding jari seolah-olah PM lepas tangan dan tidak cakna dengan permasalahan yang dihadapi rakyat terutamanya golongan B40.

Malah, ada juga yang menuduh peningkatan harga barangan asas sejak akhir-akhir ini juga disebabkan kelemahan kerajaan hari ini.

Jika dibandingkan ketika di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu, harga barangan keperluan seperti ayam, telur dan minyak masak masih rendah dan stabil.



KERAJAAN giat menangani peningkatan kos sara hidup rakyat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, masih ada sesetengah pihak yang menyelar Kerajaan MADANI seolah-olah tidak melakukan apa-apa bagi menangani soal kos sara hidup rakyat.

"Jangan lupa sekitar 2021, 2022 harga ayam adalah RM13

(sekilogram) (kg), sekarang jauh lebih rendah ada yang RM9/kg, RM9.50/kg.

"Dia (pembangkang) ingat kita lupa, masa dia jaga (mentadbir kerajaan) (harga) minyak masak 5kg cecah RM45 hingga RM50, sekarang sekitar RM27. Telur ayam – sampai tiada telur (dalam

pasaran). Sekarang Alhamdulillah stabil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya baru-baru ini yang dihadiri lebih 500 penjawat awam.

Agak keterlaluan jika dilemparkan tuduhan PM tidak cakna dengan permasalahan rakyat sedangkan beliau sentiasa mencari peluang dan ruang untuk turun padang.

Terbaharu, beliau singgah ke Bazar Ramadan Persiaran Wawasan di Kangar bersama-sama Menteri Besar Perlis. Kesempatan tersebut dimanfaatkan sebaiknya untuk bertanya khabar dan mendengar keluhan serta keresahan rakyat termasuk peniaga.

"Saya ambil perhatian pada semua perkara yang disampaikan dan akan mengambil kira pandangan-pandangan ini dalam merangka dasar dan kaedah baharu bagi meringankan beban rakyat," ujar beliau.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

6/3 - 6/4/24: KL Tower Photos and Videos Contest 2024 @ Menara Kuala Lumpur

12/3 - 7/4/24: Jualan Rahmah Bergerak @ Kuala Lumpur

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City



PUTRAJAYA

8/3 - 9/4/24: Festival Ramadan Putrajaya @ Dataran Putrajaya

3 - 5/5/24: Jom Heboh @ Putrajaya

5/4-5/5/24: Insentif Kediaman Hijau Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

23 - 28/4/24: Labuan International Sea Challenge @ Labuan International Sea Sport Complex

26 - 28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

3 - 5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Tiga dasar reformasi lonjak ekonomi negara

Apakah cabaran utama yang dihadapi dalam kawasan Parlimen Subang terutama selepas YB menjadi sebahagian daripada gabungan pemerintahan di peringkat pusat?

Ini merupakan penggal ketiga buat saya di mana penggal pertama dahulu namanya adalah Kelana Jaya merangkumi kawasan Kelana Jaya dan Subang Jaya namun memasuki penggal kedua kawasan saya telah dibahagi dua. Cabaran untuk dua kawasan tersebut sama kerana terdapat banyak golongan profesional seperti doktor, peguam, jurutera dan sebagainya.

Enduduk ingat kerja sebagai Ahli Parlimen untuk jaga longkang, jalan, pokok dan sebagainya namun hakikatnya kita tidak tumpukan kepada kes-kes tempatan seperti itu. Itu semua adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri. Pada permulaannya, untuk fahamkan komuniti setempat agak sukar namun sepanjang 12 tahun di sana terdapat perubahan yang jelas.

Menerusi program-program serta penglibatan yang kita lakukan bersama masyarakat, mereka memahami bidang tugas sebenar Ahli Parlimen dan kita lebih dirujuk untuk kes-kes seperti kewarganegaraan, rasuah dan sebagainya. Apabila mereka mula faham, ia memudahkan tugas saya dan boleh fokus kepada isu yang lebih serius dan penting berkaitan dasar-dasar yang perlu.

Selain itu, cabaran masa mula-mula dahulu adalah kita sebagai pihak pembangkang sukar untuk dapatkan dana dan apabila tiada dana, maka tiadalah peruntukan untuk mengemukakan program-program yang perlu. Di bawah Kerajaan MADANI ini, saya harapkan ada perubahan atau solusi yang baik bagi menangani isu ini.

Adakah wajar sesebuah kawasan Parlimen mempunyai bilangan pengundi yang ramai dirombak atau ditambah satu kawasan Parlimen baharu supaya ketidakseimbangan bilangan pengundi satu-satu kawasan Parlimen tidak berlaku?

Saya rasa perkara tersebut adalah penting tetapi ia memerlukan pindaan pada perlembagaan negara kerana ada satu klausa di mana saiz satu-satu kawasan itu ada had tersendiri.

Walau bagaimanapun, isu ini harus dikaji oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan perlu buat persempadanan semula kerana ia tidak adil sebagai contoh kawasan saya mempunyai lebih kurang 230,000 pengundi namun di kawasan lain kira-kira 50,000 ke 70,000 sahaja tambahan pula peruntukan yang diberi untuk setiap kawasan adalah sama jadi ia satu kerugian untuk penduduk di kawasan Subang kerana disebabkan penduduk yang ramai membuatkan bantuan yang diterima juga adalah sedikit berbanding kawasan lain.

Adalah satu keperluan untuk lihat balik isu ini namun saya difahamkan bahawa ia bukanlah

MEMIKUL tanggungjawab sebagai Ahli Parlimen Subang bukan satu perkara yang mudah namun sepanjang 12 tahun di sana, **WONG CHEN** mampu menarik nafas lega apabila dapat melihat banyak perubahan ke arah lebih baik dari semua segi.

Bukan sahaja diberi kepercayaan oleh penduduk Subang bahkan figura hebat ini juga diberi amanah untuk menggalas jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Malaysia Debt Venture Berhad (MDV).

Sebagai ahli politik yang berhalwa reformasi, Wong Chen berharap kerajaan melaksanakan tiga dasar reformasi utama yang akan membantu melonjakkan semula ekonomi Malaysia.

Untuk mengetahui lebih lanjut pandangan-pandangan bernas serta pengalaman beliau, ikuti temu bual eksklusif bersama wartawan *Wilayahku*, **DIANA AMIR** dan **SABRINA SABRE** serta jurufoto **HASIF HALIMI** untuk kolum YB minggu ini.



satu keutamaan untuk Kerajaan MADANI ketika ini dan diharapkan ia dapat diubah sebelum pilihan raya akan datang.

Sejak dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Malaysia Debt Venture Berhad (MDV), boleh YB kongsi apakah peranan dan fungsi MDV dalam membantu kerajaan sekarang?

Sekarang bulan kesembilan saya dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif MDV dan sebagai ahli politik yang berhalwa reformasi, satu-satunya reformasi yang paling penting dalam sistem badan berkanun seperti MDV adalah dengan memastikan sebagai pengerusi saya tidak menyalahgunakan kuasa serta tidak masuk campur mengenai bahagian eksekutif.

Saya akan pengerusikan Mesyuarat Lembaga tetapi saya takkan sertai mesyuarat sub-ko. Dengan sistem ini juga ia membantu mengelakkan timbulnya konflik kepentingan dan saya rasa pihak korporat tertinggi seperti COO dan sebagainya lebih selesa kerana mereka boleh melakukan kerja secara profesional.

Diharapkan selepas tahun pertama ini, saya dapat melihat laporan atau hasil yang baik daripada MDV khususnya dari segi prestasi kewangan.

YB antara Ahli Parlimen sebelum ini yang agak kritikal dalam isu ekonomi serta kewangan negara, apakah perubahan ketara model ekonomi kerajaan sebelum ini dengan model dan dasar-dasar Kerajaan Perpaduan kini?

Kita kena tahu bahawa ini bukanlah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tetapi ia Kerajaan MADANI di mana terdapat pelbagai model ekonomi daripada parti-parti politik yang berlainan.

Dalam setahun ini apa yang saya lihat, pihak kerajaan cuba untuk mencari dan mengguna pakai model ekonomi terbaik dalam memastikan Malaysia terus maju setanding negara lain. Kita sebagai *back bencher* ini perlu beri ruang dan peluang buat kerajaan untuk berdialog antara mereka mengenai perkara tersebut.

Bagaimanapun saya mengharapkan untuk kerajaan melaksanakan tiga dasar reformasi utama yang akan membantu melonjakkan semula ekonomi Malaysia di mana yang pertama adalah pengisytiharan aset. Seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri sebelum ini bahawa beliau akan membawa perkara ini ke Kabinet dan akan diputuskan kelak serta akan menambah baik akta tersebut untuk lebih telus. Menerusi pengisytiharan aset ini juga ia membuatkan masyarakat tahu mengenai kedudukan kewangan seseorang Ahli Parlimen dan ia penting di mana banyak negara demokrasi lain juga mempraktikkan amalan tersebut.

Kedua, kita mengharapkan agar Akta Perkhidmatan Parlimen diluluskan pada tahun ini bertujuan untuk memartabatkan doktrin pengasingan kuasa antara badan perundangan dan eksekutif. Di bawah akta ini, ia membenarkan Parlimen bertindak sebagai badan yang benar-benar bebas bagi menjalankan hal ehwalnya sendiri termasuk memilih kakitangan dan

mengawal perbelanjaan.

Yang terakhir adalah melaksanakan Akta Pembiayaan Dana Politik dengan kadar segera untuk memastikan tiada 'lohong gelung' dalam usaha membanteras serta memangkas jenayah perubahan wang haram di negara ini. Rasuah ini boleh berlaku secara individu ataupun parti politik.

Bagi saya kalau kita laksanakan tiga dasar reformasi ini ia akan memberi impak yang besar terhadap ekonomi negara. Sekiranya ringgit stabil pastinya pelabur di luar sana tidak teragak-agak untuk menjalinkan kerjasama, apa saya boleh cakap negara kita mempunyai banyak perancangan namun mungkin ada ketirisan dari segi pelaksanaannya membuatkan kita masih berada di tahap yang sama. Untuk membaiki ekonomi negara semula, tiga dasar yang saya sebutkan tadi perlu diluluskan segera.

Bagaimana YB melihat dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Perpaduan dan juga model Ekonomi MADANI boleh melonjakkan semula ekonomi negara dan mengurangkan defisit fiskal negara?

Untuk melonjakkan ekonomi, negara kena berbelanja. Perlu faham perbezaan antara berbelanja besar dengan berbelanja untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Sebagai contoh ada Kampung A dan Kampung B di mana tengahnya adalah sungai dan untuk menghubungkannya perlu bina sebuah jambatan, jadi kita berbelanja bagi pembinaan jambatan tersebut sekali gus

mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan baharu.

Pada lima enam tahun akan datang pastinya ekonomi bergerak antara dua kampung ini di mana ia akan mendatangkan keuntungan semula kepada syarikat yang membina, apabila mereka ada keuntungan individu atau pihak inilah yang akan membayar cukai kepada kerajaan. Itulah sebabnya kita perlu berbelanja untuk menjana pertumbuhan ekonomi bagi mendapatkan semula keuntungan maka semua hutang akan terkawal.

Perbelanjaan tidak menjadi isu tetapi perbelanjaan yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi itu yang sepatutnya kita lakukan. Dia seperti pelaburan di mana kerajaan perlu membelanjakan wang untuk melabur pada infrastruktur yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi, bukan membeli perkara yang tidak berfaedah.

Berkeenaan dengan kedudukan nilai mata wang ringgit yang agak rendah, apakah ia merupakan sementara dan bagaimanakah cara paling efektif untuk mengatasinya?

Sebenarnya rakyat dan syarikat kita banyak duit di luar negara. Jadi golongan ini yang perlu bawa balik duit tersebut dan beli ringgit atau labur dalam negara bagi mengukuhkan ringgit.

Bagi saya keadaan ini hanya sementara tetapi apa yang penting dalam isu mata wang adalah keyakinan. Kerajaan harus memainkan peranan untuk melakukan reformasi dan beri keyakinan terhadap pelabur dan paling penting keyakinan kepada orang-orang yang ada duit di luar negara itu untuk bawak balik duit mereka.

Sebagai contoh pada tahun 1997, kejatuhan kewangan sangat teruk tetapi di Korea semua rakyatnya bawa balik duit, serahkan cincin emas dan sebagainya untuk beri kepada kerajaan. Itulah semangat patriotisme yang kita mahu semua rakyat Malaysia terapkan iaitu rasa sayang akan negara.

Adakah Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berada pada landasan yang betul?

Ya dan kita sebagai *back bencher* tidak tahu apa yang kerajaan rancangan cuma saya yakin Ahli Parlimen tahu apa yang mereka perlu lakukan sekarang.

Saya harapkan tiga dasar reformasi seperti saya sebut tadi dapat dilaksanakan dalam tahun ini. Sekurang-kurangnya salah satu akta diluluskan dalam tahun ini sudah memadai. Kalau kita hapuskan rasuah dan sistem kroni, percayalah ekonomi akan bertambah baik, masalah ringgit juga akan selesai. 🇲🇾

Ribut di PPR Kampung Muhibbah

DBKL bantu baik pulih rumah terjejas

HAZIRAH HALIM

DUA keluarga yang terkesan susulan insiden bumbung terbang membabitkan dua unit rumah di Blok C, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah menghela nafas lega apabila kediaman mereka bakal dibaik pulih.

Salah seorang mangsa terlibat, **Maniselvam A/L Paramachivan**, 49, berkata dia dan isterinya berasa lega apabila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan baik pulih di kediaman yang terjejas.

"Buat masa ini, DBKL sedang membaik pulih bumbung rumah yang terbang pada kejadian itu.

"Saya difahamkan, DBKL akan melakukan pembersihan serpihan bumbung yang tercabut di sekitar kawasan selain akan digantikan dengan bumbung baharu.

"Saya ucapkan terima kasih kepada DBKL di atas kesudian membantu kami," katanya.

Menurut Maniselvam, kejadian seperti ini merupakan kali kedua



KONTRAKTOR DBKL sedang membaik pulih semula bumbung terbang di PPR Kampung Muhibbah.

selepas ia pernah berlaku sekitar tiga tahun lepas.

"Dulu pun pernah berlaku situasi yang sama tapi tidaklah sekuat ini sehingga menyebabkan

beberapa kenderaan turut rosak akibat terkena serpihan bumbung terbang itu.

"Disebabkan itu juga, saya dan isteri lebih bersedia jika

berlakunya hujan lebat dan angin kencang serta lebih memikirkan tentang soal nyawa juga keselamatan," ujarnya.


Sementara itu, DBKL dalam

satu kenyataan memaklumkan insiden yang berlaku sekitar pukul 6.30 petang itu telah mengakibatkan 25 buah kenderaan mengalami kerosakan akibat terkena serpihan bumbung yang jatuh.

"Ekoran daripada itu, DBKL mengambil tindakan awal dengan melakukan kerja-kerja pembersihan *metal deck* dan kerangka kayu yang tercabut di sekitar kawasan tersebut.

"Kerja-kerja susulan yang akan dilakukan adalah tempahan *metal deck* baru dan kerja-kerja *fabricate* kerangka bumbung jenis besi (c-channel) yang dijangka siap pada 31 Mei nanti," jelas DBKL.

Meskipun begitu, kesemua mangsa terlibat masih boleh mendiami rumah yang sama selain DBKL turut menghulurkan sumbangan wang tunai kepada mangsa dua buah rumah terjejas.

"Bagi pemilik kereta yang rosak, tuntutan boleh dibuat dengan mengisi borang tuntutan yang boleh didapati di Pejabat Kecil Perumahan DBKL," ujarnya. 

Habuan buat pembayar cukai

SYARIKAT Three V Holding Sdn Bhd dinobatkan pemenang utama Cabutan Bonanza Cukai Taksiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2024.

Kemenangan tersebut membolehkannya membawa pulang hadiah utama sebuah kereta jenis BYD Dolphin sekali gus menewaskan 132 pembayar cukai taksiran yang lain.

Pengarah Urusan Three V Holding Sdn Bhd, **Tan**, 50, meluahkan rasa gembira di atas kemenangan itu meskipun pada awalnya dia menyangka ia adalah *scammer*.

"Pada awalnya memang saya tidak percaya dan jangka panggilan telefon daripada pihak DBKL adalah *scammer*.

"Tetapi selepas kami menghubungi semula pihak DBKL untuk mengesahkan kemenangan itu, ternyata ia benar dan sungguh tak sangka lebih-lebih lagi apabila dikatakan kami pemenang utama," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Serahan Hadiah Bonanza Cukai Taksiran DBKL 2024 di Menara 1 DBKL, Jalan Raja Laut, baru-baru ini.

Berkongsi perasaan sama, pemenang tempat kedua, Mohd Shamsuddin Othman, 46, yang membawa pulang sebuah motosikal Vario 1.0 bercadang menggunakannya untuk bersiar-siar.

"Pada awalnya, saya pun sama seperti pemenang utama yang lain, saya ingatkan panggilan daripada

pihak DBKL itu adalah *scammer* kerana diberitahu akan menerima hadiah motosikal, mestilah terkejut.

"Walau apaPpun, syukur Alhamdulillah, terima kasih DBKL di atas kemenangan ini kerana ia adalah hadiah besar pertama yang pernah saya terima," katanya.


Menjelaskan mengenai kaedah penyertaan, Shamsuddin berkata dia perlu melaksanakan pembayaran cukai taksiran 2024 untuk setahun (dua penggal) sebelum 29 Februari lalu tanpa ada sebarang tunggakan.

"Setibanya 2024, saya terus membayar cukai taksiran untuk dua penggal dan kadar bayarannya tidak sama dengan orang lain kerana ia mengikut jenis atau unit rumah pembayar cukai," ujarnya.

Terdahulu, majlis penyampaian

hadiah disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi, Ismadi Sakirin dan turut diiringi Pengarah Eksekutif Perancangan, Datuk Zulkarnain Hassan dan Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, Mohamad Hamim.

Pada edisi kali ini, seramai 133 pembayar cukai taksiran berjaya memenangi cabutan bonanza dengan pelbagai hadiah antaranya motosikal, basikal elektrik, *tablet* dan dinar emas dengan anggaran keseluruhan hadiah bernilai RM390,000.

Cabutan Bonanza Cukai Taksiran ini merupakan salah satu cara DBKL menghargai pemilik harta yang membayar cukai taksiran pada setiap tahun tanpa sebarang tunggakan. 



TAN (kiri) dan Shamsuddin (dua dari kanan) bersama hadiah yang dimenangi dalam Cabutan Bonanza Cukai Taksiran DBKL 2024.



SAMPEL makanan yang diambil JKAS di bazar Ramadan sekitar Kuala Lumpur.

126 sampel makanan tercemar

SEPANJANG bulan Ramadan 2024, Unit Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (JKAS DBKL) mengambil sebanyak 1,060 jenis sampel makanan dari pelbagai bazar sekitar Kuala Lumpur.

Menurut DBKL, rekod tersebut dicatatkan hasil daripada pengambilan sampel makanan setakat 29 Mac lalu dan ia dikumpul berdasarkan pemantauan tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang dijual di Bazar Ramadan.

"Kesemua sampel makanan itu dihantar ke Makmal Pusat Analisis dan Sekuriti Makanan (FOSAC) JKAS, DBKL yang terletak di Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Hasil daripada analisis itu mendapati, sebanyak 126 atau 11.9 peratus sampel makanan bazar Ramadan telah dicemari oleh kuman.


"Ekoran daripada itu, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 82 kompaun dan notis kepada peniaga bazar yang didapati melanggar undang-undang di bawah UUK 6(1) Undang-Undang

Pengendali Makanan WPKL (1979) iaitu 6(1) di mana tiada sesiapa yang dibenarkan menjual apa jua makanan yang kotor atau mengandungi jirim asing," jelas DBKL.

Menurut DBKL, pemantauan tahap kesihatan dan keselamatan ini dilaksanakan berdasarkan tiga strain bakteria utama iaitu E.Coli, Coliform dan Staphylococcus.

"Ia merupakan petunjuk terhadap pengendalian sepanjang proses makanan disiapkan di mana kehadiran bakteria ini juga berkait rapat dengan proses penyediaan makanan yang tidak bersih, dimasak tidak sempurna termasuk kebersihan diri pengendali makanan yang tidak memuaskan.

"Sementara itu, DBKL juga telah memeriksa 2,404 peniaga dan turut mengenakan kompaun serta notis pelbagai jenis kesalahan.

"Kompaun dan notis dikeluarkan atas kesalahan UUK Pengendalian Makanan 1979 dan UUK Pelesenan Penjaja WPKL (2016) susulan kebanyakan peniaga didapati tidak mengambil suntikan vaksin typhoid untuk menegendalikan makanan," katanya. 

Wajah kasih sayang lawan wajah bengis


ZULKIFLI SULONG

BEBERAPA isu panas kebelakangan ini telah mendedahkan wajah sebenar pelbagai pihak di negara ini. Isu kantin sekolah di bulan puasa, stoking kalimah Allah dan juga perkataan kafir telah menyebabkan masyarakat Malaysia terbelah kepada beberapa kumpulan.

Namun yang paling jelas, ia memberikan gambaran sebenar wajah kerajaan Malaysia MADANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan wajah pembangkang yang ada di negara ini.

Isu ini juga turut memberikan gambaran yang jelas perbezaan antara PAS dan parti serpihannya, Amanah. Ini kerana, ketika parti ini berpecah, ramai tidak faham apa beza antara PAS sebagai sebuah parti Islam dengan Amanah yang juga sebuah parti Islam.

Gambaran wajah Amanah mula terukir dengan baik melalui bekas Timbalan Presidennya, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub melalui kempen Rahmah beliau.

Isu kantin sekolah di bulan puasa, stoking kalimah Allah dan juga perkataan kafir telah memberikan wajah yang lebih jelas lagi kepada PAS dan juga Amanah.

Ketiga-tiga isu ini telah memperkuatkan imej Amanah yang dibina oleh Allahyarham Salahuddin melalui kempen Rahmahnya. Kini Amanah lebih jelas dilihat sebagai sebuah parti yang lemah lembut, kasih sayang dan yang paling penting profesional dalam tindakannya.

Ia jauh berbeza dengan parti asalnya yang jelas dilihat melalui ketiga-tiga isu ini. Imej PAS dilihat kasar, benci dan marah melalui ketiga-tiga isu ini dan juga tidak profesional. Imej tidak profesional ini tergambar melalui kegagalan demi kegagalan yang berlaku kepada kerajaan-kerajaan negeri di bawah parti itu.

Ia berlaku dengan ketara di Kelantan dan juga Kedah yang dipimpin oleh pemimpin PAS.

Imej ini dilukis melalui

kenyataan para pemimpin dan juga pengikutnya yang dikenali sebagai walaun dan walauntit itu.

Ketika para pemimpin Kerajaan MADANI khasnya Amanah menuntut agar diberikan keadilan kepada semua pihak, pengikut dan pemimpin PAS serta sebahagian pemimpin UMNO menuntut agar diambil tindakan segera.

Padahal, pihak berkuasa masih menyiasat siapa pesalah atau penjahat atau *culpriet* sebenar dalam kes stoking kalimah Allah misalnya.

Sikap ini jelas dipaparkan melalui kenyataan Pengarah Komunikasi Amanah, Khalid Samad.

“Untuk menangani keadaan ini, matlamat sebenar di sebaliknya tindakan ini perlu difikirkan dan dicermati secara tenang dan rasional supaya reaksi kita menepati sasarannya dan kita terpelihara dari keadaan adu domba yang diinginkan oleh musuh Islam dan musuh negara.

“Jangan sesekali kita mengambil tindakan secara gelojoh mengikut emosi tanpa usul periksa. Al-Quran mengajar kita untuk tabayyun terlebih dahulu supaya tidak akan berlakunya tindakan terlampau sehingga dizalimi pihak yang tidak bersalah,” kata beliau ketika mengulas isu kalimah Allah pada stoking ini.

Menteri Pendidikan, Fazlina Sidek telah memberikan imej kasih sayang yang jelas melalui dua isu yang dimainkan oleh pembangkang khasnya walaun dan walauntit.

Yang pertama, sebagai Menteri Pendidikan, Fazlina memberikan arahan agar kantin sekolah dibuka di bulan puasa bagi membolehkan orang bukan Islam dan kanak-kanak yang tidak berpuasa makan dengan tertib.

Ini kerana berlaku kejadian sebelum ini, kanak-kanak bukan Islam terpaksa makan di bilik air, stor dan sebagainya ketika bulan puasa.

Ini kerana, kanak-kanak Islam belum wajib berpuasa manakala orang bukan Islam pula sudah tentu tidak diwajibkan ke atas mereka berpuasa.

Namun arahan ini telah dipermudahkan oleh walaun dan walauntit serta penyokong dan pemimpin pembangkang

kononnya kerajaan tidak menghormati bulan puasa dengan membenarkan kanak-kanak sekolah makan secara terbuka ketika umat Islam berpuasa.

Kedua-dua pihak pada asasnya mempunyai hujah dalam tindakan mereka tetapi setiap tindakan telah memberikan imej tersendiri.

Ketika Fazlina dan Kerajaan MADANI mendapat imej penyayang dan rahmah, PAS dan pembangkang mendapat imej kasar dan bengis.

Begitu juga dalam kes Fazlina melarang anak-anaknya menggunakan perkataan kafir terhadap orang bukan Islam. Isu ini telah ditunggang sepenuhnya termasuk oleh anak Presiden PAS, Khalil Abdul Hadi yang mempunyai PhD dalam politik Islam.

Kenapa tajuk PhD beliau berbunyi Hak Berpolitik Orang Bukan Islam di Malaysia Menurut Siasah Syariyyah bukannya Hak berpolitik orang kafir di Malaysia menurut Siasah Syariyyah.

Khalil adalah antara orang yang awal mempermainkan Fazlina ketika tular satu poster rekaan kononnya ia adalah kenyataan Fazlina yang berbunyi Perkataan kafirpun saya haramkan di rumah. Saya tak ajar anak saya sebut kafir.

Menerusi Facebooknya, Khalil menulis Qul ya ayyuha al-qafiruun atau Qul ya ayyuhal non-muslim (Katakanlah wahai orang-orang kafir atau katakanlah wahai orang-orang bukan Islam).

Ketika Fazlina mahu mengajak semua orang bermuamalah dengan penuh kasih sayang, anak presiden PAS itu mengambil kesempatan untuk menyerang Fazlina yang diambil dalam konteks yang salah daripada yang dimaksudkan oleh Fazlina.

Ia dilakukan demi kepentingan politik bukan sahaja oleh Khalil tetapi oleh ramai lagi walaun dan walauntit

Dengan itu, di wajah Menteri Pendidikan ini terlukislah wajar kasih sayang manakala di wajah Khalil terlukis wajar keras dan mahu perang.

Ini sekadar pendapat penulis sahaja yang memerhati gelagat manusia.



Menanti tiba fajar Aidilfitri

BEBERAPA hari lagi, dijangka Rabu 10 April, umat Islam di negara ini akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Tibalah detik gembira menyambut 1 Syawal setelah sebulan menahan lapar dahaga dan godaan hawa nafsu ketika menunaikan ibadah puasa.

Kawan-kawan Kedai Kopi ucapkan Selamat Hari Raya kepada para pembaca ruangan ini, warga Wilayah Persekutuan atau di mana jua anda berada dengan harapan sambutan tahun ini lebih bermakna daripada tahun-tahun sebelumnya.

Kerana masih ada beberapa hari menjelang lebaran, kawan-kawan Kedai Kopi percaya ramai sibuk membuat persiapan. Ada yang masih mencari pakaian baharu untuk keluarga, membuat kuih muih atau membeli ‘kuih tunjuk’.

Pergi sahaja ke bazar Aidilfitri atau pusat beli belah, pelbagai jenis pakaian berharga rendah, sederhana dan mahal semua ada. Begitu juga terdapat bermacam-macam ‘kuih tunjuk’. Asal ada wang, tunjuk sahaja yang berkenan untuk dibawa pulang.

Ramai juga yang tekad menunggu sehingga malam raya untuk membeli pakaian atau kuih di bazar Aidilfitri. Ini kerana biasanya pada waktu ini pakaian, kuih dan segala jenis biskut dijual pada harga runtuh untuk menghabiskan stok.

Penjual tidak terlalu berkira mengenai harga asalkan barang habis dijual dan ada sedikit untung. Pendek kata pada malam raya suasana memang meriah, bagai pra-hari raya. Para peniaga saling berterik bersahut-sahutan mempromosikan jualan.

Ketika ramai ramai berpusu-pusu memenuhi bazar Aidilfitri, yang di rumah tidak kurang sibuk memasak

makanan dan lauk-pauk, memasak rendang atau merebus ketupat untuk sajian keluarga serta para tetamu pada pagi hari raya. Cuma sekarang sudah jarang terdapat ketupat dibuat sendiri menggunakan janur kelapa. Semuanya ketupat segera.

Dalam keriangian menyambut lebaran, harapan kawan-kawan Kedai Kopi ialah jangan boros berbelanja, baik ketika membeli pakaian atau kuih-muih. Sebagaimana kita seharusnya berjimat pada bulan puasa, teruskan amalan ini pada bulan Syawal.

Beli menurut keperluan. Usaha guna alasan sambutan hanya setahun sekali untuk mewajarkan belanja berlebihan. Tidak perlu membeli banyak pasang pakaian, beli sekadar yang perlu. Malah ramai yang menggunakan pakaian tahun-tahun sebelumnya yang masih elok untuk menjimatkan belanja.

Begitu juga membeli kuih. Jangan gelap mata apabila ke bazar Aidilfitri. Ambil sekadar yang difikir mencukupi untuk keperluan keluarga dan tetamu yang berkunjung. Ingatlah berjimat itu amalan yang baik. Jangan sampai selepas hari raya poket kosong!

Balik kampung merupakan amalan tradisi bagi anak-anak di perantauan. Mereka berduyun-duyun kembali ke kampung halaman untuk meraikan hari lebaran bersama keluarga, sanak saudara dan rakan-rakan.

Malah kawan-kawan Kedai Kopi rasa waktu ini pun sudah ada yang memulakan perjalanan balik kampung dengan mengambil cuti awal. Langkah ini boleh mengelakkan daripada tersangkut dalam kesesakan lalu lintas.

MAIWP taja pelajar pulang

BAIK budi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menaja 10,000 mahasiswa daripada beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) di sekitar Lembah Klang untuk balik ke kampung halaman sempena sambutan Aidilfitri.

Menurut Pengerusi MAIWP, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer, tajaan itu dibuat melalui program Jom Balik Raya Bersama Mahasiswa dengan peruntukan keseluruhan RM1.6 juta.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, pelajar berkenaan antaranya dari Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

Selain itu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) dan Kolej Islam Antarabangsa (KIA).

Tajaan MAIWP merangkumi

bantuan tiket bas, kapal terbang serta duit poket RM100 bagi setiap pelajar. Sangat besar nilainya bantuan ini kepada pelajar, terutama yang kurang mampu. Sudah tentu ia meringankan beban mereka yang ingin balik ke kampung halaman meraikan hari raya.

Tahniah dan terima kasih kepada MAIWP yang sangat prihatin dengan keperluan pelajar. Malah MAIWP membantu pelajar melalui program lain seperti inisiatif Gerobok Rezeki.

Antara lain tujuannya untuk memberi sumbangan makanan asas, peralatan belajar dan barangan kebersihan diri bagi tempoh setahun kepada 10 universiti dengan peruntukan RM3 juta.

Kepada para pelajar, bersyukurlah dengan apa yang diperoleh. Hargai bantuan dengan belajar bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan cemerlang. Bertekad agar diri menjadi insan yang berguna demi keluarga, agama dan negara.

Belanjawan kasih ayah dan ibu



KU SEMAN KU HUSSAIN

“ANAKANDA, belanja menyara bonda semasa mengandungkan anakanda (RM200), belanja bidan (RM50), lampin (RM100), tempat tinggal (RM500), makan (RM1,200). Jumlah belanja membesarkan anakanda tidak ada kerana anakandalah yang paling ayahanda dan bonda sayangi.”

Petikan di atas adalah nota tulisan tangan seorang ayah kepada anaknya yang masih kanak-kanak. Anaknya meragam dan memberontak kerana si ayah tidak mampu memberi suatu yang diminta kerana dibeliti kemiskinan, bukan tidak sayang.

Si anak teringat kembali akan nota itu ketika menziarahi pusara ayahnya pada hari raya bersama isteri dan anak-anak. Rasa menyesal dan bersalah pun datang bergumpal-gumpal di layar ingatan. Ketika orang lain sedang bergembira, kenangan itu amat mendera. Si anak merasa terhiris dengan belanjawan kasih yang dibentang ayahnya sewaktu dia masih kanak-kanak dulu.

Di atas tadi adalah petikan iklan PETRONAS yang disiarkan di televisyen sempena Hari Raya Aidilfitri lebih kurang 25 tahun lalu. Sekalipun sudah lama, kisah yang diangkat dalam iklan itu sentiasa dekat dengan mereka yang pernah menontonnya. Mesejnya jelas – pengorbanan ayah dan ibu tidak minta dibalas, malah tidak akan terbalas.

Dalam kalangan kita yang sudah tidak punya ayah, ibu atau kedua-duanya tentu sahaja kerap tertoleh kenangan ketika masih anak kecil suatu



RASA kehilangan serta rindu yang terbeban menjadikan Hari Raya yang penuh gembira bersulam pilu. - Gambar hiasan

waktu dulu. Kenangan itu sudah jauh tertinggal di garis masa kehidupan, tetapi sekali sekala tetap singgah kembali dalam ingatan terutama ketika menyambut hari raya.

Tidak kira sama ada pahit atau manis, kedua-duanya yang silih berganti itu membawa kita ke masa silam. Biarpun terpisah jauh dari masa kini di mana kita sudah dewasa, kenangan pada zaman kanak-kanak adalah ingatan manis yang tidak berulang untuk kali keduanya.

Menjadi kanak-kanak adalah satu daripada fragmen hidup yang sangat unik lagi jernih, sama sekali berbeza keadaannya selepas mendaki usia yang membuatkan kita semakin dewasa.

Mengingati zaman kanak-kanak bagai menghimpun pengalaman yang menjadi titik awal sesebuah kehidupan.

Disebabkan hal demikian, pada hari yang penuh syukur dan gembira itu terselit juga perasaan pilu kerana ketiadaan ayah dan ibu seperti tahun-tahun yang dulu. Rasa kehilangan sekali gus rindu yang terbeban itu menjadikan Aidilfitri yang penuh gembira bersulam pilu.

Apatah lagi kalau ada pelakuan atau sikap kita yang tanpa sedar telah menggores perasaan ayah atau ibu yang tidak mampu menyediakan kesempurnaan atau memenuhi keinginan kerana dibelenggu kemiskinan. Rasa bersalah itu menyerbu apabila kita mulai faham erti kemiskinan dan ketidakmampuan.

Tanpa kasih sayang kedua-duanya, tentu sahaja segala sesuatu menjadi tidak bermakna. Memang benar hidup memerlukan wang, bagaimanapun kasih sayang ayah dan ibu itu sebenarnya menjadikan wang dan semua yang bersifat benda itu lebih bermakna berbanding nilainya.

Kasih sayang ayah atau ibu adalah suatu yang abstrak. Tidak ada penyukat untuk mengukur tinggi atau rendah, sedikit atau banyak dan luas serta sempit. Hanya yang menerima

dengan sedar sahaja yang dapat merasakan bahawa itu satu anugerah yang amat besar.

Maka tidak hairanlah kalau setiap kali Hari Raya, banyak dalam kalangan kita terbeban dengan rindu dan kasih sayang yang sudah dibatasi bumi. Semua itu hanya boleh dirasa oleh jiwa kerana ayah dan ibu sentiasa ada bersama-sama kita.

PUSARA PENGUBAT RINDU

MALAH yang sangat dikasihi itu menjadi semakin dekat dalam kejauhan. Apabila usia menginjak jauh di depan, semakin terbebanlah dengan kemurnian kasih sayang yang dicurahkan kepada kita. Semuanya percuma, tanpa ada perjanjian atau Aku Janji untuk menuntut segala sesuatu yang dilakukan untuk kita.

Apabila mereka sudah hilang di mata, pusara dan sepasang nisan yang tegak dan condong sahaja yang menandakan pangkalan terakhirnya. Pada hari raya, sekalipun bukan menjadi suruhan agama, banyak yang menziarah pusara. Kerana di situlah tersimpan kenangan dan rindu yang tidak pernah terkuburkan.

Sebenarnya bila-bila masa sekalipun boleh menziarah pusara, tidak terbatas pada hari raya. Bagaimanapun seperti yang

diungkapkan tadi, dalam meraikan kemeriahan kita pasti tertoleh pada kenangan bersama kedua-dua ayah dan ibu.

Kebetulan pula pada hari raya juga banyak yang pulang ke kampung halaman dan kesempatan itu diambil untuk menziarah pusara. Lalu kelihatan seperti hanya hari raya sahaja orang menziarah pusara. Sebenarnya itu hanya kesan daripada mobiliti sosial dalam kalangan anak-anak yang merantau ke kota.

Banyak juga yang zaman kanak-kanaknya di kampung halaman, tetapi terus meneroka padang yang hijau di kota-kota besar untuk membina kehidupan. Hari Rayalah waktunya anak rantau pulang pada asal usul – tradisi, kampung halaman dan kenangan.

Dalam sayup-sayup gema takbir yang memecah hening pagi, tetamu berduyun-duyun ke dataran sepi dan seperti biasa disambut kembang kemboja yang gugur memutih dari pepohonan yang rendang.


Kalau direnung dan diperhati, semua yang datang ke situ seperti meninggalkan jauh semua yang dipinjamkan - pangkat, kedudukan dan penghormatan yang diberikan oleh sesama insan. Semuanya tidak perlu dipergaya kepada sesiapa dan untuk apa.

Masing-masing dengan kenangan tersendiri dengan sosok yang telah bersemadi.

Semuanya memijak lumpur dan tanah liat, meredah rerumputan dan ada kalanya kaki tercucuk duri semalu yang tumbuh meliar. Semuanya demi kasih sayang insan yang sudah tiada. Semuanya menurunkan kedudukan di mata manusia dengan hanya menyangur selipar, bukan kasut berjenama.

Sasterawan Negara Usman Awang pernah melukiskan pengamatan dan perasaannya di pusara ibunya dalam puisi Ke Makam Bonda (1955). Bait yang berbunyi, ‘Dalam kenangan kami melihat / mesra kasih bonda menatap / sedang lena dalam rahap / dua tangan kaku berdakap’ terasa sangat syahdu dan menyusur hingga ke dasar jiwa.

Dengan jalinan kata dan syahdu rimanya, puisi itu seolah-olah mewakili perasaan semua orang ketika di pusara – pertautan antara kenangan dan kasih sayang dengan insan yang sudah tiada. Dalam ketiadaannya, ayah dan ibu sentiasa ada. Maka tiada salahnya bergembira pada Hari Raya dan tidak melupakan insan-insan berjaya pada hari yang mulia.



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 257 . 5 - 11 APRIL 2024

Rindu dipagari

JERANJI

BESY

▶▶ 10-11



Bingkisan syahdu dari penjara



DIANA AMIR & HAZIRAH HALIM


Foto: SYUQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

DI sebalik tembok batu Penjara Wanita Kajang, seramai 717 orang banduan memendam kerinduan yang tidak bertepi untuk meraikan lebaran bersama insan tersayang. Namun itu semua sekadar impian, yang pasti hanya kenangan lalu menjadi pengubat hati di kala rasa itu datang menerpa.

Menjalani hukuman atas kesilapan yang pernah dilakukan menjadi penghalang menikmati

indahnyanya berpuasa dan merayakan Aidilfitri seperti insan lain, namun mereka di sini sedar itulah harga yang perlu dibayar atas kekhilafan diri.

Sempena bulan yang mulia ini, *Wilayahku* berpeluang menyelami perasaan mereka yang akan menyambut Aidilfitri dalam tirai besi. Pelbagai cerita suka duka dikongsi yang pastinya mampu mengalirkan air mata. 



Penantian penuh siksaan



MEMASUKI 10 Ramadan terakhir mengundang sebak kepada **Nor** (bukan nama sebenar), 40, kerana bakal meraikan lebaran kali ke-9 tanpa kaum keluarga setelah dijatuhi hukuman penjara selama 20 tahun sejak 2015.

Lebih memilukan dia terlalu merindui dua orang anaknya yang kini berusia 19 dan 15 tahun selain begitu terkilang kerana tidak mampu menyediakan keperluan mereka seperti dahulu.

“Kedua-dua anak saya jarang datang ke sini kerana mereka masih belajar tetapi kami selalu berhubung melalui wartel. Saya sentiasa rindu nak peluk, cium dan jaga mereka kerana ketika ditahan, mereka masih kecil dan kami tidak banyak masa bersama.

“Walaupun mereka sudah besar dan pandai jaga diri tetapi seandainya diberi peluang, saya nak uruskan pakaian mereka termasuklah emak dan ayah seperti dahulu.

“Hampir setiap tahun, apabila saya sudah pandai menjahit hasil didikan pegawai di sini menerusi bengkel jahitan, saya berazam nak jahit sendiri baju untuk mereka,” katanya sambil menangis.

Tambahnya, kenangan yang paling dirindui adalah masakan ibunya selain memasak dan mengemas rumah bersama-sama adik-beradik lain. Biasanya saya yang akan sediakan juadah di pagi raya tapi dekat sini orang yang sediakan

(pegawai dan penghuni penjara).

“Saya rindu sangat nak bersalam dan memohon ampun kepada keluarga di pagi raya. Kalau di sini, kami tetap meraikan ketibaan Syawal namun sudah pasti perasaannya tidak akan sama seperti dahulu,” ujarnya.

Tambahnya, meskipun suasananya berbeza namun dia tetap bersyukur meraikannya bersama pegawai dan penghuni penjara yang lain.

“Selamat Hari Raya Aidilfitri saya ucapkan kepada semua ahli keluarga terutama ibu bapa dan anak-anak saya. Terimalah saya seperti mana dahulu,” luahnya sebak.

DIKHIANATI RAKAN BAIK

IBU tunggal ini mengakui kesilapan terbesar dalam hidupnya adalah kerana terlalu mempercayai rakan baik lebih daripada keluarga sendiri sehinggalah dia dijadikan kambing hitam untuk menutupi kesalahan rakannya itu.

“Saya tidak ramai kawan dan hanya dia sahajalah yang saya letakkan sepenuh kepercayaan sehingga dikhianati apabila dia meletakkan dadah di dalam kenderaan milik saya.

“Dia selalu pinjam kereta dan tanpa saya sangka, dia gunakan kereta itu untuk bawa dadah. Semuanya terbongkar apabila saya ditahan ketika membawa kereta

tersebut bersendirian.


“Nasib tidak menyebelahi kerana hanya saya yang berada dalam kereta waktu itu selain kenderaan tersebut juga milik saya,” ujarnya yang tidak sanggup mengenang peristiwa hitam itu.

Setelah semuanya berlaku namun dia bersyukur kerana keluarga masih dapat menerima dirinya malahan bapanya tidak henti memberi sokongan sejak dari mula dia ditahan sehingga ke hari ini.

“Ayah selalu cakap baik dan buruk diri ini saya tetap anak kandungnya. Dia juga pesan jangan tunjuk kesalahan kepada orang lain sebaliknya sentiasa sabar, berdoa dan memohon pertolongan Allah,” katanya yang sering menerima kunjungan keluarga.

Memasuki tahun ke-9 meraikan Aidilfitri di sini, Nor berharap dapat bertemu anak-anaknya yang kini dijaga bekas suami.

“Saya banyak sangat kehilangan masa yang sepatutnya ada bersama mereka. Saya tak kisah kalau tiada kawan tapi sangat kisah sekiranya ahli keluarga buang diri ini. Saya harap mereka akan sentiasa beri sokongan dan terus mendoakan saya menjadi lebih baik daripada yang terbaik.

“Begitu juga dengan masyarakat di luar janganlah memandang serong dengan banduan. Mungkin dulu kami tak baik tapi kami berusaha untuk menjadi lebih baik,” ujarnya mengakhiri perbualan. 

Sesal sepanjang hayat

MENJELANG Aidilfitri, terasa semakin sesak dada **Fiza** (bukan nama sebenar), 40, kerana menanggung rindu yang tidak pernah berpenghujung terhadap keluarga tercinta.

Menginjak tahun ke-12 merayakan Aidilfitri di sebalik tembok besi, hanya air mata yang menemani diri tatkala terdengar alunan takbir raya yang meruntun jiwa.

Satu persatu kenangan bermain segar di ingatan seolah-olah baru semalam dia dan keluarga membuat persiapan mencari baju raya, mengemas rumah dan membuat kuih raya.

Masih terdengar hilai tawa emak, ayah dan adik-beradik lain teruja merayakan lebaran bersama-sama.

Namun, dia sedar itu hanyalah kenangan yang tidak mungkin dapat diulang kembali.

Sejak dijatuhi hukuman penjara pada tahun 2012, rutin hariannya berubah, kedatangan Syawal hanya diraikan bersama pegawai dan rakan-rakan di penjara. Biarpun sukar untuk menerima hakikat, namun kini dia sedar hanya mereka sahajalah yang menjadi teman mengharungi suka dan duka.

"Kehidupan di dalam penjara sama sekali berbeza dengan kehidupan di luar. Kalau dulu, saya dapat keluar mencari baju raya dengan adik-beradik, sembang nak masak apa dan nak raya ke mana. Saat-saat itulah yang dirindui tapi peluang itu dah tak ada dan semuanya hanya tinggal

kenangan.

"Andai diberi peluang untuk keluar lebih awal daripada tempoh tahanan, ia satu keajaiban buat saya kerana itulah perkara yang tidak disangka dan dinanti-nantikan kerana dapat pulang ke pangkuan keluarga," luahnya sebak.

Lebih memilukan, Fiza berkata perkara pertama yang ingin dilakukan jika dibebaskan adalah mahu menziarahi pusara ibu bapanya selain tekad untuk berubah menjadi lebih baik.

"Ayah meninggal dunia ketika saya sedang menjalani hukuman dan apa yang memilukan, saya tidak dapat ziarah kubur arwah.

"Kalau diberi kesempatan, saya nak sangat ziarah kubur arwah dan



emak selain balik rumah minta maaf dan peluk semua adik-beradik," ujarnya sedih.

Ditanya rutinnya menjelang Aidilfitri, Fiza berkata dia dan banduan lain melaksanakan tugas yang telah ditetapkan mengikut bahagian pekerjaan masing-masing.

"Saya bekerja dalam sektor masakan, jadi perlu menyiapkan tempahan biskut raya daripada pelanggan. Sekarang sedang sibuk menyiapkan tempahan. Antara biskut raya yang kami buat tart nanas, almond London, cornflakes crunchy, suji salju dan banyak lagi," katanya.

Dalam masa yang sama, mereka juga berpuasa selain tidak ketinggalan melakukan ibadah lain seperti solat tarawih, tadarus Al-Quran dan sebagainya.

GELAP SEPANJANG ZAMAN

KEHIDUPAN yang dilalui di penjara cukup membuatkan sesiapa sahaja mampu menyesali kesilapan yang pernah dilakukan. Setiap hari, Fiza mengakui berperang dengan emosi untuk menerima hakikat apa yang telah terjadi.

Dijatuhi hukuman penjara selama 30 tahun atas kesalahan membunuh

tanpa niat membawa penyesalan yang tak sudah buat dirinya.

Mengimbu memori duka tersebut, Fiza berkata kejadian yang berlaku ketika usia 28 tahun telah menggelapkan masa depannya.

"Saya ada perselisihan faham dengan ibu tiri sehingga membawa kepada pergaduhan. Ketika itu juga saya ada masalah dengan keluarga, saya berasa marah sehingga tidak sedar telah menyebabkan kematiannya.

"Sepanjang hayat memang saya menyesal dengan apa yang saya buat sebab dalam waktu yang singkat terjadilah perkara itu sehingga membawa saya ke tempat ini," ujarnya yang berasal dari Klang.

Menurut Fiza, dia sepatutnya dijatuhi hukuman gantung sampai mati namun terlepas selepas permohonan rayuan diterima.

"Banyak perkara yang saya belajar semasa berada di sini dan dapat perbaiki diri juga dari segala sudut. Allah makbulkan doa saya untuk dikurangkan hukuman.

"Alhamdulillah saya rasa seperti insan baru yang diberi peluang untuk menjadi manusia yang lebih baik," katanya.



WARTAWAN Wilayahku berpeluang menemu bual salah seorang banduan.

Berkorban demi amanah

LEBARAN yang disambut setahun sekali pastinya merupakan saat yang ditunggu-tunggu untuk pulang ke kampung halaman bagi meraikannya bersama keluarga dan sanak saudara tersayang.

Namun di sebalik keghairahan untuk menyambutnya terdapat segelintir individu yang terpaksa memendam perasaan rindu dan perlu berjauhan dari keluarga demi menjalankan amanah yang dipikul.

Berkongsi perasaan sayu tersebut, Timbalan Pengarah Jabatan Penjara Wanita Kajang, **Fauziah Husain** berkata tahun ini merupakan tahun keenam dia tidak dapat pulang beraya di kampung.

"Sejak pandemik COVID-19 melanda negara saya tidak berpeluang untuk pulang beraya kerana tuntutan kerja yang memerlukan saya bersedia di penjara pada hari pertama lebaran.

"Semestinya saya sangat sedih kerana sambutan Aidilfitri lebih bermakna jika di samping keluarga namun itulah pengorbanan yang perlu dilakukan.

"Mujurlah keluarga juga sangat memahami, saya tetap akan bersama mereka juga tetapi mungkin pada

minggu ketiga atau keempat Syawal," katanya yang telah berkhidmat selama 28 tahun sebagai pegawai penjara.

Meskipun tidak dapat pulang beraya, Fauziah berkata mereka yang bertugas di penjara masih dapat merasai suasana lebaran yang diraikan bersama banduan.

"Walaupun berada di sebalik tirai besi, namun mereka juga diberi peluang merasai suasana sambutan Aidilfitri sama seperti masyarakat di luar sana.

"Kebiasaannya pada pagi raya kita akan solat sunat Aidilfitri terlebih dahulu bersama-sama diikuti dengan menikmati juadah raya seperti lemang, ketupat, rendang dan lain-lain.

"Kesemua juadah disediakan oleh banduan sendiri secara gotong-royong. Selain itu, kita juga akan mainkan lagu-lagu raya supaya mereka dapat merasai suasana tersebut," ujarnya.

Memahami kesyahduan beraya tanpa keluarga di sisi, ibu kepada dua orang cahaya mata itu berkata dia perlu lebih cekal untuk memastikan emosi pegawai-pegawainya serta banduan tidak terganggu.

"Drama air mata pada hari



pertama lebaran itu adalah perkara biasa dalam kalangan pegawai yang perlu bertugas termasuklah juga banduan.

"Di penjara wanita ini, banduan yang masuk ada yang sedang mengandung, bawa anak kecil atau dalam dilema mungkin tidak diterima oleh ahli keluarga dan sebagainya, jadi mereka ini yang perlu saya beri perhatian lebih pada hari pertama Aidilfitri.

"Sebagai seorang kakak dan juga pegawai, saya akan panggil mereka untuk bercakap dan selami apa yang dirasai.

"Justeru itu, di dalam ini

juga adalah sangat perlu untuk mewujudkan suasana Aidilfitri itu supaya ia sedikit sebanyak dapat mengubat rindu. Bagi anak-anak banduan juga kita galakkan mereka berpakaian serba baharu," ujarnya.

Berkongsi lanjut, Fauziah berkata setiap tahun penjara akan membenarkan kesemua ahli keluarga penghuni untuk membuat perjumpaan khas pada hari raya ketiga dan keempat.

"Di sini saya mengambil kesempatan menyeru mereka yang mempunyai ahli keluarga di sini untuk meluangkan masa melawat dan memberi sokongan moral kerana

ia sangat membantu mengurangkan tekanan.

"Banduan yang stres sangat sukar untuk ditangani kerana mereka tidak akan mendengar arahan, tak mahu makan dan sebagainya," ujar Fauziah.

Dalam pada itu, dia turut menitipkan pesanan buat para pegawai yang akan bertugas pada Syawal pertama untuk terus bersemangat meskipun hati terusik.

"Teruskan semangat untuk bertugas demi Jabatan Penjara walaupun raya itu sangat bermakna buat kita. Tahun hadapan mungkin rezeki kita pula untuk beraya bersama keluarga," katanya.



FAUZIAH



Gema Aidilfitri makin terasa

SHUAIB AYOB

MEMASUKI minggu akhir Ramadan, orang ramai mulai sibuk membuat persiapan sebelum menjelang Aidilfitri. Pusat beli-belah semakin sesak ditambah lagi dengan adanya jualan murah sempena lebaran.

Syurga beli-belah yang tidak asing lagi di bandar raya Kuala Lumpur, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) terus menjadi tumpuan sehingga larut malam untuk mendapatkan baju raya mahupun aneka kuih-muih yang tersedia.

Lensa *Wilayahku* sempat merakamkan kemeriahan suasana di bazar Aidilfitri yang turut menjadi tumpuan pelancong luar negara. 📷



BAZAR Jalan TAR dipenuhi orang ramai terutama pada hujung minggu.





KELIHATAN seorang peniaga membantu pelanggannya memakai sampin.

Ketupat menu warisan berzaman

DIANA AMIR

SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri bagaikan tidak lengkap tanpa juadah ketupat. Makanan turun-temurun ini tidak lekang dek panas tidak lapuk dek hujan. Biarpun pelbagai variasi moden muncul saat ini, namun ketupat tradisional tetap menjadi pilihan.

Menurut Malay Banquet Cef Hotel Pulse Grande, **Hasnaerdawaty Md Hanapi**, terdapat pelbagai jenis ketupat yang biasa disediakan oleh masyarakat tempatan antaranya ketupat nasi, ketupat sotong dan ketupat palas.

Tidak ketinggalan juga burasak yang turut dikategorikan sebagai ketupat meskipun ia hanya popular dalam kalangan Bugis dan Makasar.

Katanya, cara pembuatan dan penyediaannya juga terselit petua khas agar ia tahan lama dan lebih sedap antaranya ia akan digantung, diletak di dalam peti sejuk dan kukus mengikut keperluan.

“Terlebih dahulu kita perlu mencuci beras seterusnya rendam seketika dan gaulkan dengan sedikit garam. Kemudian, isi beras dua per tiga sahaja di dalam kelongsong diikuti dengan siram ketupat yang sudah dimasak sebelum digantung bagi membersihkan lemak yang terlekat.

“Kebiasaannya masa yang diambil untuk menyiapkan ketupat lebih kurang dua hingga empat jam mengikut kepada kuantiti ketupat yang diperlukan. Bagi saya semua jenis ketupat prosesnya adalah lama dan sama, apa yang penting adalah sabar dan terus fokus ketika menghasilkannya,” ujarnya.

Jom kita kenali lebih lanjut jenis-jenis ketupat yang popular di Malaysia untuk dicuba semasa musim perayaan nanti!



KETUPAT PALAS

BERBENTUK segi tiga, ketupat ini lebih popular di negeri pantai timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang. Khusus di negeri Utara, ketupat palas mempunyai dua bentuk berbeza melalui cara anyamannya yang dikategori mengikut jantina iaitu jantan atau betina.

Ketupat palas jantan mempunyai lebih isi di akhir balutan dan diikat dengan kemas manakala ketupat palas betina bersaiz kecil dan tiada isi lebihan di hujung ikatan dan tidak dibalut dengan rapi.

Namun ketupat palas ini berbeza sedikit kerana diperbuat daripada beras pulut dan santan pekat. Kelongsongnya juga diperbuat daripada daun palas dan boleh dimasak dengan dua cara, sama ada direbus atau dikukus.

Uniknya ia mempunyai pelbagai variasi seperti inti kacang, serunding dan jagung.

Anda juga boleh menikmati ketupat ini begitu sahaja atau bersama susu manis.



KETUPAT BORNEO

DIKENALI sebagai burasak, hidangan ini jarang dijumpai di Semenanjung Malaysia kerana lebih terkenal dalam kalangan etnik Bugis di Sabah dan merupakan hidangan wajib buat etnik tersebut di Johor.

Menu ini merupakan hidangan tradisional mereka yang dihidangkan bersama ayam masak merah, ayam masak likku dan asam pedas ikan parang.

Mempunyai nama lain iaitu Buras, menu ini disediakan dengan nasi yang dikukus bersama santan dan dibalut menggunakan daun pisang nipah. Sekali pandang, burasak ini mempunyai bentuk yang hampir sama dengan lepat pisang tetapi lebih lebar dan besar.

KETUPAT SOTONG

KETUPAT sotong juga dikenali sebagai sotong sumbat kerana bahagian dalam hidangan ini diisi dengan pulut yang dimasak dengan santan pekat.

Menu tradisional ini lebih popular di perkampungan nelayan di negeri Pantai Timur



kelebihan pada aromanya yang wangi serta gabungan rasa yang lebih sesuai dengan suasana raya.

Beras pulut akan dimasak bersama santan sebelum disumbat ke dalam sotong sebelum dihidang dengan kuah santan yang dicampurkan dengan nisan kerek (gula Melaka versi Kelantan) di Kelantan manakala di Terengganu, menggunakan gula batu atau gula biasa.


KETUPAT NASI

DIBUAT daripada nasi yang dimampatkan ke dalam daun kelapa yang dianyam menjadi bentuk berongga. Selain disebut sebagai ketupat nasi, menu ini juga dikenali sebagai nasi impit.

Antara cara makan ketupat nasi yang popular adalah dihidangkan bersama sate dan sambal kacang. Ketupat nasi juga sering dihidang dengan kondimen seperti lodeh dan rendang, yang merupakan hidangan kegemaran di selatan Malaysia. Cara penyediaannya mudah

sahaja iaitu dengan dikukus di dalam periuk. Buat pengetahuan semua, ketupat berasal dari Indonesia dan diperkenalkan kepada penduduk di Tanah Melayu oleh ahli teologi yang terkenal di Jawa Tengah iaitu Sunnan Kaliga.

Simbolik penyediaan ketupat daripada proses penganyaman mengajak orang ramai untuk peduli tentang kesalahan dan kesilapan dilakukan manakala nasi putih pula menggambarkan hati yang suci dan kebebasan daripada dosa.

Hari ini, ketupat bukan sahaja dinikmati di Indonesia tetapi Malaysia, Singapura, Brunei malah cukup terkenal sebagai juadah ikonik setiap kali tibanya Aidilfitri. 





ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



Perlu kesedaran ke arah digital

MDEC galas peranan besar pacu ekonomi

SYED HAZIQUE

PENGERUSI Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), **Syed Ibrahim Syed Noh** optimis MDEC mampu memainkan peranan besar untuk membantu membangunkan ekonomi negara.

Menurut Syed Ibrahim, ekonomi digital adalah salah satu bentuk ekonomi yang diguna pakai masa kini.

“Umum sedia maklum, zaman teknologi kini telah mengubah landskap yang membuatkan majoriti urusan hanya dalam dunia digital.

“MDEC mampu memacu ekonomi dalam sektor perkilangan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, dagangan, perkhidmatan yang secara tidak langsung meningkatkan ekonomi negara,” kata beliau baru-baru ini.



Tambah beliau, orang ramai perlu ada kesedaran ke arah digital untuk menerima digital.

“MDEC akan sediakan platform buat semua pemain-pemain ekonomi, kita bukan sahaja perlu pasarkan di peringkat domestik sahaja malahan antarabangsa.

“Kaedah ini boleh memenuhi potensi yang ada pada ekonomi digital pada masa akan datang kerana peratus ekonomi digital akan menyumbang suku daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara,” ujar beliau.

Jelas Syed Ibrahim, rakyat kini sudah mula celik digital dengan menjual barangan di platform-platform media sosial.

“Jika dilihat, terutamanya di media sosial *TikTok*, ramai peniaga yang sudah beralih ke situ untuk menjual barangan mereka.

“Bayangkan tidak perlu kedai fizikal, modal yang lebih kecil, namun mengaut keuntungan yang lebih banyak, siapa sahaja yang tidak mahu ambil peluang ini,” katanya.

Syed Ibrahim memberitahu, orang ramai perlu peka dengan perubahan teknologi masa kini dan jadikan MDEC sebagai medium untuk menceburi bidang teknologi.


Selain itu, beliau turut memaklumkan MDEC juga bekerjasama dengan tenaga pakar dari luar untuk memberikan kepakaran dan melabur dalam negara untuk membantu meningkatkan ekonomi negara.

“MDEC juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan untuk memudahkan cara serta mewujudkan satu ekosistem yang baik dan jelas.

“Sebenarnya, kita juga telah melahirkan beberapa syarikat tempatan yang mempunyai nama di peringkat antarabangsa, justeru itu, saya sarankan orang ramai untuk kejar peluang ini,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan, pihak MDEC akan menyediakan tenaga pakar bagi membantu warga tempatan dalam perniagaan.

“Selain platform yang disediakan, kita juga menyediakan tenaga pakar dalam membantu mereka untuk memulakan perniagaan.

“MDEC juga merupakan peneraju dan membuka jalan untuk lebih banyak peniaga-peniaga datang sertai, daripada situ kita juga turut dapat memacu ekonomi negara,” ujar beliau. 



NURUL menunjukkan produk emping jagung yang mendapat sambutan tinggi menjelang raya.

Platform e-dagang tingkat hasil jualan

BERMULA dengan mengedar sampel secara percuma dan hanya menjual pek mini di kantin sekolah, **Nurul Arfiqah Ali** tidak menyangka produk kudapan pedas berasaskan emping jagungnya mendapat permintaan tinggi menjelang musim perayaan.

Usahawan wanita berusia 33 tahun yang memulakan perniagaan sejak 2015 itu berkata produk hasil resipi ibu mentuanya itu laris terjual hampir 10,000 balang dengan nilai jualan mencecah RM200,000 pada bulan perayaan seperti Tahun Baharu Cina, Aidilfitri, Hari Gawai dan Hari Krismas.

“Kalau bukan musim perayaan boleh cecah 6,000 balang sebulan. Sekiranya permintaan pelanggan meningkat macam Hari Raya, Gawai dan dapat tempahan untuk majlis, kita akan ada lebih banyak pekerja (untuk siapakan pesanan),” katanya.

Anak bongsu daripada lima beradik itu berkata, disebabkan permintaan tinggi terhadap produk kudapannya itu, Nurul Arfiqah mengupah kaum wanita di kampungnya seperti ibu tunggal, suri rumah serta pelajar sekolah bagi membantunya menyiapkan pesanan, sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada mereka.

“Memang saya ambil wanita dari Kampung Senari untuk menolong saya daripada proses memasak sehingga pembungkusan, melibatkan syif siang iaitu dari 8 pagi hingga 5 petang. Sekiranya banyak pesanan masuk, kita ada syif malam juga iaitu 7.30 malam hingga 2 pagi,” katanya.

Lazimnya kudapan emping jagung di pasaran berperisa madu atau telur masin namun produk Nurul Arfiqah yang dinamakan ‘CrunchyNut Cornflakes’ itu mengetengahkan gabungan rasa pedas, manis dan masin dengan mengadunkan bahan utama itu bersama sambal, kacang dan ‘pusuk’ atau ikan bilis.

Nurul Arfiqah berkata setelah empat tahun berkecimpung dalam perniagaan, dia bercadang meluaskan pasaran produknya dan menggunakan sistem ejen susulan menerima maklum balas positif

daripada pelanggannya.

“Kita mula dengan pencarian 10 ejen terdiri daripada rakan dan saudara terdekat. Alhamdulillah, sekarang kita ada hampir 200 ejen di seluruh Malaysia dan Brunei,” katanya yang aktif memasarkan produknya di platform media sosial *Instagram* dan *Facebook* sejak 2017.

Benar bagai dikata, pandemik COVID-19 yang melanda negara pada 2020 membawa ‘rahmat’ kepada golongan usahawan seperti yang tidak menangan menyiapkan tempahan diterima secara dalam talian menerusi ejen ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“FELCRA Berhad juga membantu untuk memasarkan produk dengan memberi tapak berniaga secara percuma kepada saya di majlis melibatkan FELCRA, jadi dari situ lebih ramai yang tahu tentang produk ini,” katanya yang turut menerima tempahan untuk dijadikan buah tangan di majlis keramaian.

Produk emping jagung pedas dijual dalam saiz 500 gram dan satu kilogram, dengan harga pasaran bermula dari RM22 sebalang berperisa emping jagung pusuk, emping jagung kacang gaju dan emping jagung kacang tanah.

Setelah hampir setahun mengharungi perit jerih dalam menghasilkan sambal bersesuaian, Nurul Arfiqah dalam perancangan untuk membawa produknya ke pasar raya tempatan suatu hari nanti.

“Nak bawa produk itu masuk pasar raya, saya perlukan oven berkapasiti besar untuk pastikan emping jagung ini dibakar supaya ia kekal rangup dan tahan lebih lama di atas rak.

“Penggunaan oven ini juga bakal meningkatkan kos pembuatan dan harga jualan. Jadi untuk waktu ini, saya menaik taraf pembungkusan supaya dibungkus dengan lebih baik bersama paket gel silika,” katanya.

Berikutan perkembangan media sosial ketika ini dia juga merancang untuk memanfaatkan platform e-dagang seperti *TikTok Shop* dan *Shopee* bagi meningkatkan hasil jualan. - **BERNAMA**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

MEDIA MARGA KOTA
WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





PENGERUSI Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki Aksan bersama barisan artis tempatan dan kakitangan YWP pada Majlis Berbuka Puasa YWP, Media Sdn Bhd.

SEMINGGU



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyertai Majlis Khatam Al-Quran peringkat Pejabat Perdana Menteri melibatkan kira-kira 80 orang warga Pejabat Perdana Menteri.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil pada Majlis Apresiasi Pengamal Media bagi menghargai sumbangan dan jasa para pengamal media yang sentiasa komited memberi kerjasama berterusan kepada Kementerian Komunikasi.



TIMBALAN Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim dalam sesi lawatan kerja di fasiliti sukan di DUN Asahan.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa pada Majlis Amanat Berbuka Puasa bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



MENTERI Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim di Masjid Ash-Shafie Taman Maluri dan turut berbuka puasa bersama penduduk serta ahli kariah masjid.

Aplikasi Infaq YWP

Platform salur bantuan buat warga kota



INFAQ YWP dapat membantu warga kota memiliki bantuan meliputi aspek pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi.

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) memperkenalkan platform Infaq YWP bagi membantu dan mempermudah saluran bantuan disampaikan kepada masyarakat khususnya mereka yang memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan.

Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Strategik dan IT YWP, **Datin Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir** berkata platform yang diasaskan sejak tahun lalu (2023) adalah untuk membantu masyarakat menemui kaedah yang tepat dalam menyampai dan menerima bantuan.

"Di Infaq YWP, kami menyediakan kaedah kepada sesiapa sahaja untuk mengumpul dana sama ada dalam bentuk barangan, kewangan atau sebagainya.

"Matlamat kami adalah untuk membudayakan perasaan prihatin kepada rakyat tempatan yang susah, selain mempromosikan amalan memberi sumbangan dalam kalangan masyarakat, sama ada untuk diri sendiri, organisasi,

badan bukan kerajaan (NGO) atau sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan," katanya.

Menurut Datin Dr Ida, Infaq YWP menawarkan lima jenis program meliputi aspek pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi.

"Bagi program pendidikan, ia merangkumi empat pecahan bantuan, antaranya Bantuan Pemakanan Untuk Pelajar Sekolah Menengah, Program Khas Pendidikan, Bantuan Pelajar Tercicir serta lain-lain bantuan pendidikan dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke institut pengajian tinggi (IPT).

"Program sosial pula meliputi lapan aspek antaranya Bantuan Persediaan Bencana, Bantuan Khas YWP, Program Baik Pulih Kediaman Asnaf, Skim Prihatin dan sebagainya.


"Untuk program ekonomi pula ia memfokuskan terhadap pembangunan Program MyGrocer dan Program Pembangunan Usahawan; Program Agama memfokuskan kepada kelas pengajian Al-Quran dewasa dan kanak-kanak, manakala program teknologi pula memfokuskan kepada Program Literasi Digital

bagi meningkatkan penguasaan teknologi di kalangan kanak-kanak dan dewasa," katanya.

Jelas beliau, menerusi platform itu juga, para penyumbang boleh melihat jumlah kutipan dana tunai yang disumbangkan secara *live* menerusi platform pembayaran digital *ToyyibPay*, yang membolehkan transaksi kewangan secara mudah dan selamat selain ia juga turut menawarkan pelbagai kaedah pembayaran serta tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Bagi setiap sumbangan tunai, para penyumbang juga akan mendapat resit potongan cukai di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, Seksyen 44(66), yang diemul oleh sistem *ToyyibPay*.

"Caranya mudah sahaja, orang ramai hanya perlu pilih jenis dan jumlah sumbangan yang ingin diberikan. Kemudian ikut sahaja langkah-langkah mudah yang dipaparkan untuk menyelesaikan proses pembayaran tersebut," ujarnya.

Kepada yang berminat untuk terlibat dalam usaha murni Infaq YWP ini, orang ramai boleh hubungi YWP di talian **03- 2698 3075** (Faks) atau e-mel di infaq@yayasanwp.org.my. 



AZMAN (tiga dari kiri) menyampaikan bantuan kepada Tarmizi di Presint 11.

Kakitangan kerajaan syukur dibantu

DIANA AMIR

BARU-BARU ini, seorang kakitangan kerajaan, Mohd Tarmizi Md Yusof, 43, ditimpa bencana apabila kuarters kediamannya yang terletak di Presint 11 terbakar dipercayai berpunca daripada wayar pendingin hawa.

Kejadian malang tersebut berlaku pada 22 Mac lalu di saat umat Islam sibuk membuat persiapan menjelang sambutan Aidilfitri yang tinggal beberapa hari sahaja lagi.

Menceritakan detik malang tersebut, Tarmizi berkata ketika peristiwa berlaku, dia berada di bilik kedua sementara isterinya berehat di bilik utama kerana kurang sihat.

"Kira-kira pukul 4.50 petang, isteri menjerit kerana cadar terbakar. Saya cuba padamkan api dengan menggunakan air di tandas namun tidak berhasil kerana api marak dengan cepat dan menyambar langsung.


"Mujurlah tindakan pantas pihak bomba memadam api menghalang daripada merebak ke rumah jiran," ujarnya yang menetap di kediaman tersebut sejak tahun 2009.

Reda dengan ujian di bulan Ramadan, dia bersyukur pelbagai pihak tampil menyampaikan sumbangan tidak terkecuali Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Terima kasih kepada PM, seluruh warga Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Perbadanan Putrajaya (PPj), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Putrajaya, ahli keluarga, sahabat dan jiran yang banyak membantu.

"Kami mengalami kerugian kira-kira RM8,000 akibat kebakaran. Mujurlah pihak BPH membantu menyediakan rumah transit di Presint 8 untuk kami berteduh sementara," ujarnya.

Dalam pada itu, dia kini amat memerlukan tilam dan katil bagi mengurangkan rasa sakit kerana pernah mengalami kecederaan tulang belakang akibat bersukan.

Terdahulu, Ketua Cabang Keadilan Putrajaya merangkap kakitangan PPj, Muhammad Fikri Abdul Aziz mengiringi Setiausaha Politik PM, Datuk Azman Abidin serta Naib Presiden PPj, Nik Shukri Nik Soh melawat Tarmizi sekali gus menyampaikan bantuan. 

Kempen Beli Menang Semarak RaYakult

YAKULT Malaysia menawarkan peluang memenangi hadiah cabutan bertuah mingguan *Touch n Go eWallet* bernilai RM100 kepada para pelanggan sempena Kempen Beli dan Menang Semarak RaYakult.

Pengarah Urusan Yakult Malaysia, **Hiroki Yanase** berkata orang ramai hanya perlu mengimbas kod QR pada sampul raya keluaran Yakult Malaysia untuk menyertai kempen tersebut yang telah pun bermula dari 4 Mac hingga 7 April ini.

"Sempena kempen ini, 100

pemenang bertuah akan dipilih secara rawak untuk menerima *Touch n Go eWallet* setiap minggu manakala lima pemenang bertuah akan membawa pulang hadiah utama berupa botol emas 916 Mini Yakult (5g) edisi terhad yang semestinya menjadi rebutan pelanggan.

"Selain itu, sempena kempen ini juga, para pelanggan yang membuat pembelian minimum 20 botol dalam satu resit boleh menebus satu set sampul raya eksklusif daripada promoter Yakult, Wanita Yakult atau melalui laman


sesawang rasmi Yakult Malaysia.

"Butiran kempen ini boleh didapati di laman sesawang rasmi Yakult Malaysia di www.yakult.com.my," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga turut menzahirkan penghargaan kepada rakyat Malaysia di atas segala sokongan dan keyakinan yang diberikan di samping berharap produk ini mampu dijadikan sebagai salah satu jenama probiotik yang bagus dan dipercayai di pasaran.

Untuk rekod, minuman probiotik Yakult membantu

meningkatkan fungsi usus di mana 80 peratus daripada sistem imun manusia berada di dalam usus dan setiap botol tersebut mengandungi 30 bilion bakteria hidup *strain shirota*.

Minuman probiotik Yakult ini juga dinikmati oleh 40 juta orang setiap hari di 40 buah negara seluruh dunia yang terbukti secara saintifik dapat membantu melancarkan fungsi usus selain ia juga turut diperakui di dalam Akta dan Peraturan Makanan Malaysia dan minuman Yakult disahkan halal oleh JAKIM. 



MCMC, Huawei jalin kerjasama

Sasar lahir pemimpin digital masa hadapan



DIANA AMIR

KIRA-KIRA 300 peserta dijangka terlibat dalam jawatan kepimpinan meliputi agensi kerajaan, industri dan akademia menerusi dalam tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

Selaras itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Huawei Malaysia) melancarkan Program Kecemerlangan Kepimpinan Digital: Mengemudi Sempadan Teknologi baru-baru ini.

Inisiatif program pembangunan bakat tersebut bertujuan memperkasakan pemimpin merentasi industri dan sektor awam dengan kemahiran dan pengetahuan yang penting.

Matlamatnya adalah untuk membolehkan mereka menerajui transformasi digital dalam organisasi masing-masing.

Pengerusi MCMC, **Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din**

berharap agar kolaborasi bersama Huawei bagi program ini dapat mencapai matlamatnya dalam melahirkan pemimpin-pemimpin digital serta mampu meningkatkan pemahaman dan kemahiran mereka dalam bidang teknologi juga kepimpinan.

“Seterusnya, diharapkan juga agar segala ilmu yang digarap menerusi program lapan bulan ini akan dapat memberi manfaat kepada semua peserta untuk maju dalam kerjaya dan bidang masing-masing,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran majlis itu di Pusat Latihan Global Huawei Malaysia, Cyberjaya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Simon Sun berkata program selama lapan bulan itu dapat dilaksanakan dengan sokongan penuh dan kerjasama MCMC.

“Program itu menawarkan pendekatan pembelajaran gabungan yang komprehensif, termasuk pembelajaran dalam talian, bengkel, penyertaan dalam persidangan Huawei, penempatan

praktikal, projek kecemerlangan di Huawei Malaysia dan lawatan industri tujuh hari ke China.

“Penubuhan program ini susulan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semasa ucapan penutupnya di Sidang Kemuncak ICT Malaysia yang dihoskan oleh Huawei September lalu di mana beliau menggalakkan Huawei merangka program ini bagi memastikan mereka yang mempunyai kuasa (*positions of authority*), sama ada dalam kerajaan, akademik atau sektor swasta, sentiasa mengikuti perkembangan terkini dan dimaklumkan tentang teknologi serta inovasi terkini.

“Ia bagi mengelakkan mereka daripada ketinggalan dalam zaman digital ini.

“Pemimpin organisasi, kementerian dan akademia perlu mendalami pelbagai domain teknologi untuk memacu penggunaannya dan memanfaatkan keupayaan transformatifnya untuk mencipta hasil yang lebih baik, tanpa mengira sektor atau

industri,” ujarnya.

Simon berkata program ini dibangunkan oleh Huawei Malaysia dan MCMC membantu dalam merealisasikannya.

“Apa yang diharapkan oleh program ini adalah untuk melengkapkan generasi pemimpin organisasi sekarang dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang teknologi pesat membangun untuk memperoleh kemahiran teknologi tambahan dan dapat menggunakan pengetahuan serta kemahiran ini dengan jayanya untuk meningkatkan kecekapan operasi,” ujarnya.

Tambahnya, memandangkan tahun ini menandakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, pengambilan pertama untuk program itu telah ditetapkan untuk 50 peserta bagi memperingati majlis itu.

Mengulas lanjut, Simon berkata selain ditaja sepenuhnya oleh Huawei Malaysia dan dipilih susun (*curated*) bersama SKMM, inisiatif Program Kecemerlangan

Kepimpinan Digital: Melayari Sempadan Teknologi mengiktiraf kekangan masa yang sering dihadapi oleh individu dalam peranan kepimpinan, menawarkan persekitaran pembelajaran gabungan yang fleksibel yang membolehkan 75 peratus pembelajaran dalam talian dan 25 peratus fizikal.

“Lapan domain utama kandungan yang akan berada dalam 32 modul ialah Kepimpinan, teknologi 5G, Kecerdasan Buatan (AI), Internet Pelbagai Benda (IoT), Pengkomputeran Awan, Data Raya, Teknologi Hijau dan Keselamatan Siber.

“Peserta akan mendalami kajian kes, pembentangan, perbincangan kumpulan dan pembelajaran berasaskan pengalaman untuk mengikuti perkembangan terkini dan trend industri,” ujarnya.

Terdahulu, Memorandum Persefahaman (MoU) kerjasama antara MCMC dan Huawei Malaysia bagi melaksanakan program itu ditandatangani pada Kongres Dunia Mudah Alih 2024 di Barcelona, Sepanyol bulan lepas. 📍



SEKITAR pelancaran Program Kecemerlangan Kepimpinan Digital: Mengemudi Sempadan Teknologi yang diadakan di Cyberjaya baru-baru ini.

Ikatan silaturahmi kekal zaman-berzaman

Tradisi bercucul rai kedatangan Aidilfitri



MOHD Noor sedang memasang cucul yang menghiasi sekitar rumah kediamannya di Kampung Tanjung Aru.

KHAIRUL IDIN

BUDAYA memasang pelita atau 'bercucul' dalam bahasa suku kaum Kedayan dan Brunei merupakan identiti dan budaya yang masih diamalkan sejak zaman-berzaman terutamanya sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri di Labuan.

Menurut **Mohd Noor Mohd Salleh**, 59, beliau menganggap cucul merupakan tradisi keluarga

yang harus dipertahan dan diteruskan bagi menerangi sekeliling rumah dengan cahaya pelita minyak tanah.

Beliau yang menetap di Kampung Tanjung Aru, memaklumkan banyak hikmah di sebalik cucul dan salah satunya adalah mengukuhkan ikatan silaturahmi di antara keluarga.

"Ia bukan saja dipasang untuk menyambut Ramadan dan malam tujuh likur, tetapi juga bagi memeriahkan sambutan Aidilfitri.

"Ketika ini, tidak banyak rumah diterangi cahaya pelita berikutan harga minyak tanah yang semakin mahal. Namun, kami sekeluarga tidak kisah berbelanja lebih hanya untuk tempoh sebulan," katanya.

Jelas Mohd Noor, dia dan anaknya akan menggunakan sebanyak 50 cucul jenis plastik moden untuk menerangi kediamannya setiap menjelang

Aidilfitri.

"Kalau diikuti secara tradisional kena menggunakan cucul daripada batang buluh, tapi hendak dapatkan buluh sekarang ini agak sukar. Maka saya hanya menggunakan jenis cucul moden yang ada terjual di pasar raya di sini.

"Biarpun tidak sama seperti zaman dahulu, tetapi apa yang kami mahukan adalah suasana itu dan sekali gus mempertahankan budaya ini agar tidak dilupakan golongan anak muda kerana pada zaman sekarang budaya ini tidak diamalkan oleh semua orang," katanya.

Sementara itu, bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kelab Belia Kampung Sungai Labu (BELA) menganjurkan Pertandingan Cucul Raya & Lampu Raya peringkat Kampung Sungai Labu bermula awal Ramadan sehingga 6 April ini.

Menurut penganjur merangkap Ketua BELA, **Eyreza A. Besar**,

pertandingan itu merupakan salah satu acara pengisian yang dianjurkan setiap tahun untuk penduduk di kampung bagi menyemarakkan lagi kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Katanya, syarat-syarat penyertaan hanya terbuka kepada penduduk Kampung Sungai Labu dan setiap buah rumah dibenarkan


untuk menghiasi pencahayaan menggunakan cucul dan lampu sahaja dan peserta berpeluang memenangi hadiah wang tunai untuk pemenang tempat pertama sehingga keempat.

"Untuk tempat pertama, mereka berpeluang memperolehi wang tunai RM300, tempat kedua RM200, tempat ketiga dan keempat RM100 setiap satu.

"Walaupun hadiah yang ditawarkan kepada pemenang tidak begitu besar namun objektif yang ditekankan adalah semangat perpaduan dan silaturahmi dalam kalangan masyarakat kampung akan sentiasa terjalin di samping sebagai usaha untuk memarbatkan budaya bercucul ini," katanya.


Kata Eyreza, berdasarkan penyertaan pada tahun lepas, pihaknya mencatatkan lebih 30 penyertaan dan bagi tahun ini, beliau menyasarkan lebih ramai penduduk kampung akan menyertai pertandingan itu.

"Dari segi tarikh penilaian, penganjur akan mengadakan lawatan setiap rumah para peserta pada 8 April ini bagi memberikan penilaian pemarkahan.

"Dari segi skop pemarkahan, sebanyak 40 peratus markah akan dinilai dari segi konsep tradisional dan 40 peratus konsep moden yang diketengahkan oleh setiap peserta. Manakala markah 20 peratus lagi akan di nilai menerusi kekemasan setiap dekorasi serta kreativiti hiasan cucul yang dipersembahkan oleh para peserta," katanya. 



EYREZA



UMAR

Berkorban sambut lebaran di tengah samudera

'ALAH bisa, tegal biasa' itulah perumpamaan Melayu yang menggambarkan situasi pekerja-pekerja barisan hadapan yang berkorban demi negara terpaksa berjauhan dengan keluarga dan menyambut hari lebaran tatkala ramai yang mengambil peluang pulang ke kampung halaman.

Sebelum ini mungkin sudah biasa mendengar petugas barisan hadapan yang sentiasa bersiaga siaga demi negara termasuklah petugas kesihatan, petugas keselamatan dan pertahanan seperti anggota polis, tentera dan bomba, namun pekerja yang terlibat di dalam sektor minyak dan gas turut terpaksa melalui pengalaman yang sama dek kerana bertugas di lautan untuk tempoh masa yang panjang.

Meskipun imbuhan yang diterima agak lumayan, namun ia bukan sesuatu pekerjaan yang

mudah kerana mereka setiap masa bergadai nyawa ketika melaksanakan tugas di tengah-tengah lautan.

Bagi **Muhammad**, 47, yang sudah kali kelima dia tidak dapat beraya bersama isteri dan tujuh orang cahaya matanya kerana tuntutan tugas yang memerlukan perhatian dan kepakarannya demi memastikan salah satu sektor ekonomi tersebut terus beroperasi.

Beliau yang terpaksa meninggalkan keluarga yang kini berada di Kudat, Sabah mengakui setiap kali tiba Hari Raya Aidilfitri, perasaan sayu hati akan menjantik kerana mengenangkan keluarga yang ditinggalkan.

"Sejak 15 tahun berkhidmat dalam pekerjaan ini, sudah lima tahun saya tidak dapat beraya bersama keluarga yang berada di kampung bahkan ketika menjalani puasa bersama juga tidak dapat

berkesempatan kerana sudah hampir tiga bulan berada di laut.

"Walaupun begitu, selepas solat sunat Aidilfitri bersama rakan-rakan, saya membuat panggilan video untuk mengubati kesedihan dengan bertanya khabar ahli keluarga," katanya.

Bercerita lanjut, Muhammad berkata meskipun sudah lima kali menjalani ibadah puasa dan menyambut Aidilfitri di lautan, namun beliau mengakui perasaan sedih akan menerpa setiap kali terpaksa bertugas ketika waktu tersebut.

"Saya perlu kuatkan semangat kerana ini adalah tugas dan tanggungjawab. Namun dengan kehadiran rakan-rakan yang turut sama mengalami nasib sama, insya-Allah terubat juga kesedihan itu," katanya.

Tambahnya, meskipun berada di lautan namun ketibaan Hari Raya Aidilfitri tetap disambut dengan

kesederhanaan bersama-sama rakan sekerja.

"Setiap tahun sememangnya kami akan dihidangkan dengan juadah hari raya yang telah dibekalkan kepada kami sebelum belayar seperti ketupat, rendang dan kuih-muih. Cuma apa yang berbeza hanyalah beraya dilautan dan berjauhan dengan keluarga tersayang.

"Pada pagi raya pula, apabila mendengar alunan takbir raya membuatkan kami gugur air mata," katanya.

Berkongsi pengalaman sama, **Muhammad Umar An-Nur**, 33, dia menyambut Aidilfitri di perantaraan kali ini merupakan tahun ketiga di atas kapal.


Katanya, jarak jauh dengan keluarga yang berada di Labuan memberi ruang 'kosong' setiap kali perayaan Aidilfitri namun mengakui rakan sekerja yang

senasib dengannya mengubati kerinduan kerana ikatan persahabatan umpama sebuah keluarga.

"Tipulah jika tidak sedih kerana berjauhan dengan keluarga pada hari penuh bermakna itu. Namun apa daya terpaksa menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

"Walaupun sejauh mana kami belayar di lautan dan banyak kali terlepas merayakan Aidilfitri bersama mereka namun hati ini sentiasa bersama keluarga di kampung," katanya.

Bercerita lanjut, Muhammad Umar berkata persiapan raya anak-anak anak-anak sudahpun disediakan isteri bagi memberikan keceriaan kepada mereka ketika menyambut lebaran nanti.

"Keperluan keluarga adalah keutamaan saya, sebagai seorang bapa dan suami, perbelanjaan dan keperluan lain telah disediakan dan hanya mahu melihat keluarga bahagia," katanya. 



MUHAMMAD

SABRINA SABRE

Pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) menguatkuasakan zon bebas gelandangan dan pengemis dalam kawasan pentadbirannya sepanjang Ramadan ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, setakat ini pihaknya masih belum menerima sebarang aduan berkaitan isu pengemis dan gelandangan di Bazar Ramadan Putrajaya.

“PPj menyerahkan kepada pihak polis untuk memantau isu berkenaan dengan turut dibantu penguat kuasa PPj dan agensi di bawahnya.

“Seramai 90 petugas merangkumi penguat kuasa ditugaskan untuk memantau kelima-lima bazar Ramadan termasuk di Anjung Syawal bagi mengekang aktiviti gelandangan dan pengemis,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Fadlun berkata sekiranya terdapat jawatankuasa masjid atau surau yang ingin mengutip derma, ia



FADLUN

mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak berwajib.

“PPj dan pihak polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya terdapat individu yang menjalankan aktiviti ini,” tegas beliau.

Media baru-baru ini melaporkan aktiviti mengemis kembali ‘meriah’ sebaik ketibaan bulan Ramadan dengan beberapa lokasi di seluruh negara menjadi tempat tumpuan.

Jika sebelum ini majoriti pengemis adalah rakyat tempatan yang dilihat meminta sedekah di kaki lima masjid, premis perniagaan dan perbankan namun sejak awal Ramadan, warga asing seperti Thailand dan Rohingya turut memonopoli kegiatan itu. **17**



AKTIVITI mengemis kembali ‘meriah’ sebaik ketibaan bulan Ramadan.

Catat rekod sisa domestik cecah 7 tan sehari

ALAM Flora Sdn Bhd (Alam Flora) bertanggungjawab mengurus antara enam hingga tujuh tan sisa domestik sehari yang dihasilkan di lima bazar Ramadan sekitar Putrajaya iaitu di Presint 3, 9, 11, 14 dan Presint 16.

Khidmat Alam Flora itu merangkumi kutipan, pembersihan dan pengasingan sisa kitar semula termasuk pengurusan empat tong khas berkapasiti 1,000 liter setiap satu bagi pengasingan sisa cecair

Menurut Pengurus Alam Flora Putrajaya, **Mohamad Hafizudin Zainal**, terdapat peningkatan sisa domestik jika dibandingkan dengan tahun lepas susulan pertambahan jumlah peniaga bazar tahun ini yang menyaksikan rekod tertinggi kutipan sisa domestik pada 24 Mac 2024 iaitu sebanyak 7.5 tan.

“Jumlah sisa yang banyak ini susulan penambahan peniaga terutama di Bazar Ramadan Presint 3 yang memabitkan kira-kira 50 orang peniaga.

“Di bazar Presint 3, kita

membuat pengasingan khas bagi barang kitar semula seperti kotak yang boleh kita kumpul antara 150 hingga 173 kilogram (kg) sisa sehari dan empat unit tong hitam untuk pelupusan sisa cecair seperti air balang, kuah atau sup yang mana juga boleh mencecah dua tan sehari.

“Selain menyebabkan longkang tersumbat, kita mahu peniaga memanfaatkan tong hitam untuk sisa cecair, jika tidak air yang dibuang akan mengalir ke Tasik Putrajaya dan mencemarkan tasik. Kita tidak mahu perkara itu berlaku dan mahu mengekalkan kualiti air tasik berkenaan,” ujar beliau.

Tidak terhad kepada sisa domestik dan cecair, Alam Flora juga bertanggungjawab terhadap pengasingan sisa makanan menerusi penyediaan tong oren bagi kemudahan pengunjung di Laman Iftar yang dijalankan hasil inisiatif bersama Perbadanan Putrajaya (PPj).

“Kita labelkan tong oren berkenaan khusus untuk sisa makanan sahaja dan antara bahan yang tidak boleh dibuang ke tong tersebut adalah plastik, bekas polisterin, cangkerang, sisa jagung dan bahan kitar semula,” ujarnya.

Dianggarkan sisa makanan yang dihasilkan sehari sekitar 10 hingga 11kg yang seterusnya akan dijadikan baja kompos.

Dalam masa sama, Mohamad Hafizudin berkata pihaknya turut menyediakan kemudahan tong roro khas untuk pelupusan sisa buah kelapa dan tebu memandangkan bahan itu tidak boleh dimasukkan dalam penyedat (*compactor*).

“Setakat ini peniaga di bazar Ramadan masih mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti mengasingkan bahan kitar semula atau memasukkan sisa tebu dalam plastik terlebih dahulu sebelum dibuang.

“Cuma pesanan saya kepada pengunjung, berbelanja secara berhemah dan rancang pembelian

juadah berbuka puasa untuk elak pembaziran.

“Saya juga menyeru pengunjung membawa bekas sendiri untuk membeli makanan dan tidak bergantung kepada penggunaan plastik sekali guna kerana ia dapat membantu memudahkan tugas pekerja Alam Flora memandangkan pengasingan sisa sememangnya

mengambil masa,” ujarnya.

Di Bazar Ramadan Presint 3, pihak Alam Flora menyediakan sebanyak 175 tong hijau (untuk sisa domestik) dengan kapasiti pekerja seramai 15 orang yang bertugas bermula 3 petang hingga 11 malam. Turut disediakan perkhidmatan cucian tapak bazar. **17**



PERKHIDMATAN Alam Flora merangkumi kerja kutipan, pembersihan dan pengasingan sisa kitar semula.

INSENTIF KEDIAMAN HIJAU PUTRAJAYA 2024

Pemberian insentif khas untuk pemilik rumah persendirian di Putrajaya yang melaksanakan amalan rendah karbon.

PERMOHONAN BERMULA
5 APRIL 2024

PERMOHONAN DITUTUP
5 MEI 2024

4

INISIATIF IKH 2024

Penjimatan Elektrik Tahunan	Penggunaan Bas NadiPutra & Kenderaan Elektrik/Hybrid
Penjimatan Air Tahunan	Pengurangan Sisa Pepejal

KELAYAKAN PEMOHONAN

- ✓ Pemilik rumah persendirian di Putrajaya sahaja.
- ✓ Tiada TUNGGAKAN cukai taksiran.
- ✓ Mempunyai akaun TNB & Air Selangor sekurang-kurangnya 2 tahun (24 bulan).
- ✓ Mempunyai akaun e-bil TNB & Air Selangor.

Anda melaksanakan amalan rendah karbon?

Ayuh mohon insentif dengan memuat turun borang permohonan & kriteria penilaian di pautan [https://ppj.my/_IKH2024]

atau imbas

KETERANGAN LANJUT: ahmad.helmi@ppj.gov.my (03-88877004) | muhammad.fabrizi@ppj.gov.my (019-3507425) | Bandar Hijau Putrajaya

Muncul pemain pertama luar ranking dunia Sivasangari sasar emas Olimpik 2028

SABRINA SABRE

PEMAIN skuasy wanita kebangsaan, **S. Sivasangari** menetapkan matlamat utama kariernya dengan menyasarkan pingat emas pada Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles.

Mengakui ramai pemain skuasy berkongsi impian sama, dia bertekad untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kegemilangan di Olimpik dan melakar namanya dalam sejarah sukan Malaysia dengan memenangi emas yang diidamkan negara.

"Saya yakin dengan sokongan daripada pihak berkepentingan utama seperti Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Persatuan Raket Skuasy Malaysia, jurulatih dan penajanya Kumpulan CIMB (CIMB), saya akan menerima motivasi untuk beraksi cemerlang pada temasya sukan terbesar di dunia itu.

"Kita perlu sentiasa memiliki keyakinan dalam diri. Saya rasa jika saya tidak menetapkan matlamat itu, akan timbul persoalan mengapa saya melakukan perkara ini.

"Saya ada empat tahun lagi jadi sudah pasti saya akan bekerja sekuat yang boleh, perbaiki kelemahan dan menjadi lebih baik dari semasa ke semasa," ujarnya.



SIVASANGARI (kiri) berada di landasan yang tepat apabila berjaya mengekalkan kecemerlangan dalam setiap kejohanan.

Dalam pada itu, Sivasangari yang baru sahaja kembali ke kedudukan 15 teratas ranking dunia Persatuan Skuasy Profesional berharap dapat menembusi tangga 10 terbaik menjelang Jun ini.

Terbaharu, S. Sivasangari melakar sejarah tersendiri

selepas muncul juara edisi sulung Kejohanan Skuasy Klasik London dengan menyingkirkan pemain ranking kedua dunia Hania El Hammamy dari Mesir di pentas final baru-baru ini.

Kemenangan itu merupakan yang kedua buat Sivasangari ke

atas El Hammamy sepanjang enam pertemuan sebelum ini.

Seterusnya kejayaan ke final kejohanan bertaraf emas itu juga menyamai rekod yang pernah dicatatkan bekas ratu skuasy negara Datuk Nicol David pada 2015.

"Tiada kata untuk

Pencapaian S. Sivasangari

2024 - Kejohanan Skuasy Terbuka Hong Kong - **Emas**

2023 - Sukan Asia Hangzhou 2022 - **Emas**

2022 - Kejohanan Skuasy Kebangsaan Ke-37 - **Emas**

2019 - Kejuaraan Terbuka Australia - **Emas**

menggambarkan kemenangan ini tetapi saya sangat gembira dengan cara saya menangi minggu ini dengan menewaskan pemain dalam ranking 10 terbaik tiga kali. Mereka semua pemain yang baik," ujarnya.

Kejayaan itu membolehkan Sivasangari membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah AS\$17,598 (RM83,141).

Walau bagaimanapun, Sivasangari berkata dia masih belum mendapat sebarang maklumat daripada Persekutuan Skuasy Dunia mengenai proses kelayakan Olimpik 2028.

Khidmat Pan Gon masih diperlukan


BEKAS Setiausaha Agung Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), **Mohd Saifuddin Abu Bakar** menyifatkan Kim Pan Gon masih merupakan individu yang tepat sebagai ketua jurulatih Harimau Malaya.

Mohd Saifuddin yang juga antara individu penting dalam proses pelantikan Pan Gon pada Januari 2022 berkata pengendali dari Korea Selatan itu telah membuktikan kemampuannya mentransformasikan pasukan negara sehingga layak secara merit ke Piala Asia selepas 42 tahun.

"Selain itu, sentuhan Pan Gon juga menyaksikan kedudukan Malaysia dalam ranking dunia meningkat dengan mendadak daripada posisi ke-154 kepada kedudukan terbaik di tempat ke-130, jurulatih berusia 54 tahun itu juga membuktikan profesionalisme dan kualiti kerja mengagumkan.

"Dia telah membawa Malaysia ke satu tahap yang kita tak jangka kita boleh berada di situ dalam masa terdekat, kita kena faham bahawa Kota Rom tidak boleh dibina dalam masa sehari tapi bagi saya dia telah buat sesuatu yang ajaib.

"Ini kerana dia seorang yang teliti serta bersemangat dan memang buat kerja 100 peratus. Dia juga kerap buat ulang kaji, dengan kerja-kerja dilakukan, dia telah berjaya bawa Malaysia ke tahap lebih



PAN GON berhasrat untuk membawa Malaysia layak ke pusingan ketiga Kelayakan Piala Dunia 2026 dan mengesahkan tempat lebih awal ke Piala Asia 2027.

tinggi," ujar beliau.

Di sebalik deretan keputusan tidak memuaskan dicatat Harimau Malaya awal tahun ini, Mohd Saifuddin berpandangan Pan Gon perlu diberi lebih masa.

Bekas Penolong Ketua Bahagian Pertandingan Qatar Stars League dan Bekas Perunding Teknikal Liga Profesional Oman itu berkata sewaktu proses pelantikan Pan Gon dibuat, faktor membimbing pasukan negara untuk jangka masa panjang diambil kira.

"Memang kami memikirkan untuk jangka masa panjang sebab Pan Gon merupakan Pengarah Pasukan Kebangsaan Persatuan Bola Sepak

Korea (KFA) yang bertanggungjawab memilih jurulatih-jurulatih untuk pasukan kebangsaan Korea Selatan, kami dapat lihat kalibernya.

"Saya rasa dia adalah individu tepat untuk Harimau Malaya buat masa ini," kata Mohd Saifuddin yang menjawat jawatan Setiausaha Agung FAM selama dua tahun bermula 2021 dan meletakkan jawatannya pada 2023.

Baru-baru ini, arena bola sepak negara digemparkan dengan laporan berita bahawa Pan Gon dan barisan kejurulatihannya telah menghantar surat kepada FAM baru-baru ini dan bersedia sekiranya terpaksa meninggalkan pasukan negara andai khidmat mereka tidak diperlukan lagi.



MOHD SAIFUDDIN

Mohamad Yusof sandaran utama

JAGUH berbasikal para negara, Mohamad Yusof Hafizi Shaharuddin menjadi pilihan utama mengisi slot pelumba lelaki ke Sukan Paralimpik 2024 di Paris yang dijadual akan berlangsung bermula 28 Ogos hingga 8 September ini.

Jurulatih berbasikal para negara, **Sallehudin Mohd Noh** berkata Mohamad Yusof pasti menyambar slot diperolehi Malaysia susulan prestasi memberangsangkan sejak kebelakangan ini sekali gus membuat penampilan kedua di Sukan Paralimpik selepas Tokyo 2020.

"Memang kita namakan Mohamad Yusof sebagai calon kuat untuk ke Sukan Paralimpik 2024 namun pengumuman rasmi hanya dibuat selepas tempoh kelayakan berakhir pada 30 Jun ini," ujar beliau.

Atlet berusia 26 tahun itu mencipta kejayaan membanggakan dengan merangkul pingat gangsa ujian masa 1 kilometer (km) lelaki C1 (kecacatan fizikal) pada Kejohanan Trek Berbasikal Para Dunia 2024 di Rio de Janeiro, Brazil baru-baru ini.

Sebelum itu, pelumba dari Kuala Kangsar berkenaan turut mencipta sensasi dengan menjadi wakil negara pertama menaiki podium pada siri pertama Piala Dunia Berbasikal Para Lebu Raya 2024 di Adelaide, Australia, Januari lepas dengan merangkul pingat gangsa acara ujian masa lebu raya.

Dalam pada itu, Sallehudin berkata Mohamad Yusof mampu bersaing dalam beberapa acara antaranya ujian masa lelaki 1km C1-3, kejar-mengejar 3,000 meter (m) lelaki C1 dan lebu raya sekiranya sah beraksi di Paris kelak.

Bagaimanapun, beliau berkata peluang lebih cerah buat anak buahnya itu merangkul pingat dalam kejar-mengejar 3,000m lelaki C1 berbanding acara lain.



Shiha Zikir pilih Aizat Saha

PENAMPILAN selebriti media sosial yang semakin popular, Aizat Saha dalam video muzik Meriahnya Raya nyanyian **Shiha Zikir** mendapat perhatian ramai dan tular dalam kalangan netizen.

Apatah lagi, para peminat tertunggu-tunggu siapakah kelibat yang bakal bersama Shiha selama ini. Jika sebelum ini Shiha pernah bekerjasama dengan Jaa Suzuran.

Rata-rata netizen memuji strategi Shiha menampilkan Aizat yang juga dikenali sebagai Abang POV (*point of view*).

“Sebab pertama saya pilih Aizat untuk berlakon dalam video muzik raya ini kerana kami memang berkawan rapat.”

“Selain itu, video muzik Meriahnya Raya ini ada konsep POV, di mana Aizat dikenali sebagai Abang POV jika tonton

video-videonya dalam media sosial.

“Bukan itu sahaja, Aizat pun sedang *hot* dan cukup disukai ramai dalam media sosial. Jadi dengan adanya Aizat, diharap penonton lebih seronok. Apa yang penting mereka gembira,” katanya.

Shiha juga mengakui sikap baik dan merendah diri yang ada pada Aizat membuatkan dirinya teruja untuk bekerjasama.

“Dia seorang yang senang memberikan kerjasama, merendah diri, perangai baik. Saya suka orang yang baik dan selalu positif ni. Tak ada nak berlagak,” jelasnya.

Lagu Meriahnya Raya ciptaan Shiha, Arul dan Zimi Sofazr merupakan lagu raya ketiga Shiha selepas Moh Beraya nyanyian bersama

Datuk Jamal Abdillah dan bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Sebelum ini Shiha juga pernah berduet dengan kakaknya, Idea Zikir menerusi lagu berjudul Jom Balik Raya.

“Meriahnya Raya ini mengisahkan tentang perbezaan raya dahulu dan sekarang. Jadi dalam lagu itu peminat boleh rasa bagaimana suasana Hari Raya dulu-dulu. Misalnya dulu tak ada media sosial.

“Lagu ini juga sangat *fun* dan lebih *easy listening*. Shiha nak ada *feel* gelak ketawa dan *vibes* kumpulan Senario dulu.

“Jika sebelum ini *easy listening* juga, tetapi lebih serius. Saya yakin ramai yang rindu suasana raya dulu-dulu selepas mendengar lagu Meriahnya Raya,” ujar Shiha.

Sherry Alhadad ‘berumah’ di hotel

DEEL ANJER

PENGACARA dan pelakon **Sherry Alhadad** mengaku setiap kali pulang beraya di Kuching, Sarawak, hotel menjadi rumah sementaranya.

Bukan tidak mahu tinggal di rumah peninggalan datuk dan nenek seperti adik-beradik yang lain, cuma Sherry atau nama sebenarnya Shariffah Mariam Syed Abdullah Al Hadad, 39, lebih mengutamakan ahli keluarga yang sudah berkahwin.

“Biasanya hari raya rumah dah penuh dengan ahli keluarga yang beranak-pinak. Iyalah, bukan selalu berkumpul di hari raya. Setahun sekali saja.

“Hotel hanya jadi tempat saya dan ibu bersiap saja kerana biasanya dari pagi sampai ke malam kami sibuk mengunjungi sanak saudara. Apa yang seronoknya beraya di Sarawak, biasanya pada malam raya kami sudah mula menziarahi dari rumah ke rumah.

“Paling menyeronokkan sekali pada malam raya biasanya ada acara lawan dentuman meriam buluh. Itu acara yang memang dinanti-nantikan saban tahun,” ujarnya.

Menurut Sherry, mengikut adat beraya masyarakat

di Sarawak, baju Melayu atau baju kurung akan dipakai selama seminggu.

“Kalau ikut tradisi kami, disebabkan seminggu kena pakai baju kurung, saya akan sediakan tujuh pasang baju raya. Cukup untuk seminggu.

“Tapi bukannya semua baju baharu, ada baju yang saya ‘kitar semula’ dari baju *shooting*. Memang nampak meriah sebab mereka akan pakai baju kurung atau Melayu selama seminggu.

“Kalau ke pusat beli-belah pun kita akan nampak semua orang pakai baju raya dan satu lagi yang menariknya, setiap rumah di sana wajib hidang kek lapis,” katanya.

Namun kata Sherry, selain mengeratkan silaturahim antara ahli keluarga, apa yang lebih penting adalah membahagiakan ibunya di hari raya.

“Setiap tahun, demi menggemirakan ibu, kami pasti balik sama ada beli tiket penerbangan awal atau lambat, tak kisahlah berapa pun harga, sebagai anak yang penting saya nak ibu gembira,” katanya.

Nabil bantu ibu empat beranak



PENGACARA dan penyampai radio terkenal **Nabil Ahmad** meluahkan rasa insaf dan syukur menjadi sebahagian tim yang membantu nasib ibu empat beranak menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.

Wanita berkenaan yang dikenali sebagai Lisa (bukan nama sebenar) mengakui sudah beberapa tahun menyambut kedatangan Aidilfitri tanpa menyediakan kuih raya.

Semua bermula gara-gara wanita tersebut membuat panggilan ke Radio Era untuk mendapatkan baju raya.

“Topik yang kami bawakan ketika itu adalah ‘korang belum ada baju raya kenapa?’. Jadi, apabila dia buat panggilan, segalanya diluahkan.

“Katanya, dia dan anak-anak belum ada

baju raya lagi sebab mereka baru pindah dari Kuala Lumpur ke Seremban. Punca mereka pindah sebab nak kurangkan kos hidup yang tinggi di Kuala Lumpur. Di Seremban rumah sewa lebih murah dan kos sara hidup masih okey.

“Suaminya pula berniaga di Bazar Ramadan dah ambil *advance* untuk baiki kereta yang rosak. Masa tu baju raya belum ada lagi.

“Apa yang sedihnya rumah dia tak pernah ada kuih raya. Sebelum ini mereka beraya tanpa kuih raya bersama anak empat orang. Bila saya fikir-fikir balik. Kita dah rasa susah dengan keadaan sekarang. Rupa-rupanya ada orang lebih susah,” katanya.

Demi merealisasikan impian keluarga tersebut, Nabil bersama tim Era dan Jakel memberi senyuman buat keluarga ini untuk menyambut Hari Raya tidak lama lagi.

“Alhamdulillah, selepas panggilan itu, kami satu tim nekad untuk membantu. Syukur segalanya dipermudahkan,” ujarnya bersama tim Era membawa keluarga tersebut membeli baju raya baru-baru ini.





WILAYAHKU

● BIL 257 ● 5 - 11 APRIL 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



Ukur baju di badan sendiri

Rai sambutan Aidilfitri secara sederhana

SYED HAZIQUE

AIDILFITRI merupakan perayaan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam seluruh dunia melaksanakan ibadah puasa selama sebulan.

Sambutannya diiringi dengan perasaan syukur dan teruja serta diraikan oleh semua Muslim tidak kira tua, muda, miskin mahupun kaya. Malah bagi meraikan nikmat tersebut maka pada hari pertama Syawal, diharamkan berpuasa sunat.

Firman Allah SWT: *"Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan) dan supaya kamu memuji membesarkan Allah SWT (bertakbir) atas petunjukNya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bertakwa."* Surah Al-Baqarah 185

Di kesempatan hari yang mulia itu juga, sudah tentu ramai yang mengambil kesempatan untuk melakukan persiapan dengan membeli baju baharu, kuih raya mahupun menghias rumah dan sebagainya.

Dalam keghairahan tersebut, ramai yang terlepas pandang sehingga berlebih-lebihan dan membazir. Namun, orang ramai khususnya masyarakat yang beragama Islam dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan sifat bersederhana dalam menyambut kedatangan Aidilfitri.

Bersederhana dalam menyambut Aidilfitri bukan bermaksud kita harus mengecilkan. Sebaliknya, ia lebih kepada menghargai apa yang ada dan tidak terlalu mementingkan segala kemewahan yang tidak perlu.

Bila kita mengamalkan kesederhanaan, kita dapat menghargai nikmat yang Allah berikan dan lebih fokus kepada nilai-nilai sebenar perayaan seperti kasih sayang, maaf memaafkan dan keberkatan.

Dengan mempraktikkan kedermawanan dan kesederhanaan dalam menyambut Aidilfitri, kita turut menyebarkan kegembiraan kepada orang sekeliling.

Melalui perbuatan sederhana ini, kita dapat menunjukkan



SHAHNIN ABD RAHMAN

bahawa kasih sayang dan keberkatan Aidilfitri tidak semestinya berkait rapat dengan kemewahan, sebaliknya, ia lebih kepada bagaimana kita boleh mewujudkan suasana harmoni dan kebahagiaan dalam suasana sederhana.

Pendakwah bebas, **Ustaz Shahrin Abd Rahman** berkata umat Islam disaran agar tidak berlebih-lebihan dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Jelasnya, konsep menyambut Syawal sepatutnya bergantung kepada kemampuan diri masing-masing dan secara sederhana.

"Setiap individu seharusnya mengukur baju di badan sendiri. Perbezaan pekerjaan masing-masing mendorong kepada perbelanjaan menyediakan pakaian, makanan dan minuman kepada tetamu mengikut kemampuan namun jangan sampai melakukan pembaziran.

"Walaupun kita disunatkan berhias dan bergembira pada hari raya tetapi ia bukan bermakna kita boleh berlebih-lebihan melampaui batasan kemampuan diri, sebaliknya kita perlu bersederhana dan berbelanja mengikut kadar kemampuan masing-masing, berjimat cermat dan tidak boros," katanya. Menurut Shahrin, sebagai

umat Islam, tidak perlulah kita bermegah-megah berbelanja sehingga membawa kepada sifat riak lebih-lebih lagi membawa kepada pembaziran.

"Sebenarnya kita menyambut Hari Raya Aidilfitri adalah bertujuan untuk meraikan kemenangan kita yang telah berjaya menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan.

"Janganlah kita terlalu mengikut kehendak hawa nafsu dengan sikap ingin menunjuk-nunjuk, berbelanja melebihi keperluan sehingga sanggup berhutang," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata menerima tetamu dan memuliakannya merupakan salah satu daripada perkara yang sangat dianjurkan syarak.

"Tujuan kunjung-mengunjungi untuk merapatkan silaturahmi dan saling bermaafan. Islam meletakkan syarat dan adab yang perlu diamalkan ketika seseorang berhasrat untuk menziarah jiran atau sanak saudara.

"Panduan daripada Al-Quran dan Al-Sunnah seharusnya menjadi pedoman dan ikutan dalam meraikan sambutan Aidilfitri.

"Sebagai tuan rumah, kita dianjurkan untuk sentiasa bersedia menerima kunjungan tetamu kerana mereka datang membawa rahmat dan keberkatan.

"Walaupun bagaimanapun, tetamu juga perlu menjaga adab ketika berziarah. Patuh dan pilihlah waktu sesuai untuk berkunjung, tidak makan berlebihan serta tidak menyinggung hati tuan rumah melalui tingkah laku atau kata-kata," ujarnya.

Beliau turut menasihati orang ramai agar sentiasa jaga batas pergaulan semasa meraikan Aidilfitri.

"Biasalah manusia, kadang alpa di kala emosi mengawal diri, terpegang tangan atau ternampak aurat ke. Kalau boleh kita elakkan daripada perkara sebegini terjadi, jaga batas-batas pergaulan, itu adalah lebih baik," ujarnya.

Tabung Haji agih RM2.72 bilion

LEMBAGA Tabung Haji (TH) mengumumkan agihan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 pada kadar 3.1 peratus setelah mengambil kira pelunasan zakat sebanyak 2.57 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata agihan keuntungan itu membabitkan jumlah agihan sebanyak RM2.72 bilion berbanding RM2.65 bilion tahun sebelumnya.

"Ia juga akan memberi manfaat kepada lebih 9.15 juta pendeposit TH berbanding 8.8 juta pendeposit pada tahun 2022," katanya pada sidang media pengumuman agihan keuntungan TH tahun 2023 baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi TH, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dan Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Syed Hamadah Syed Othman.

Tambah Mohd Na'im, agihan keuntungan 2023 dibuat setelah penyata kewangan TH tahun 2023 selesai diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan telah mengambil kira rosot nilai terutamanya pelaburan legasi pajakan hartanah di Arab Saudi dan pelaburan hartanah di United Kingdom.

"Agihan keuntungan bagi tahun 2023 juga adalah mematuhi Akta Tabung Haji 1995.

"TH turut mengumumkan pelunasan zakat sebanyak RM101 juta kepada semua Majlis Agama

Islam negeri-negeri bagi pihak pendeposit untuk tahun 2023.

"Pelunasan zakat ini diharap secara langsung atau tidak langsung dapat membantu usaha kerajaan menoktahkan kemiskinan tegar di seluruh negara," ujarnya.

Selain itu, menurut Mohd Na'im, jumlah terkumpul zakat yang telah dilunaskan bagi pihak pendeposit adalah sebanyak RM1.37 bilion sehingga kini.

Beliau berkata jumlah zakat TH diselaraskan kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri berdasarkan nisbah baki simpanan pendeposit mengikut negeri.

Tambahnya, TH menggunakan kadar 2.57 peratus dalam pengiraan zakat TH bagi mengambil kira perbezaan bilangan hari dalam setahun di antara kalendar Qamari dan kalendar Masihi, sebagaimana saranan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Tabung Haji.

Dalam pada itu, Mohd Na'im berkata TH telah menyantuni lebih 560 ribu asnaf di seluruh negara pada tahun 2023 melalui Program Zakat Wakalah di mana TH menjadi wakil kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk mendedarkan sendiri sebahagian daripada dana zakat tersebut kepada asnaf.

"Secara keseluruhannya, lebih daripada 1.6 juta asnaf telah menerima manfaat daripada Program Zakat Wakalah Tabung Haji," ujarnya.



AGIHAN keuntungan bagi tahun 2023 adalah mematuhi Akta Tabung Haji 1995.